

NOTA SEJARAH TINGKATAN 3



SEJARAH TINGKATAN TIGA

BAB 1: PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

1.1 PEMERINTAHAN TENTERA JEPUN DI TANAH MELAYU

- Memerintah selama 3 ½ tahun (1942 hingga 1945)
- Pemerintahan bercorak tentera

KEDATANGAN JEPUN

- Jepun diperintah oleh Maharaja Mikado Meiji (1868-1912)
- Melancarkan Pemulihan Meiji
- Menekankan pemodenan Jepun dan perindustrian
- Mencontohi negara Barat
- Jepun meluaskan kuasa di China bertujuan memasarkan hasil industri
- Dianggap kuasa besar setelah berjaya dalam Perang Rusia-Jepun 1905
- Berjaya memodenkan Jepun dalam tempoh 30 tahun

Faktor Perluasan Kuasa Jepun

i. Faktor Masalah Ekonomi Jepun

- Penduduk Jepun bertambah menyebabkan tanah pertanian kurang
- Jepun perlukan bahan mentah untuk industri seperti petroleum, bijih timah dan getah
- Jepun perlukan kawasan baru untuk pasaran hasil industri

ii. Faktor Sekatan Ekonomi

- Amerika Syarikat mengenakan sekatan ekonomi kerana Jepun menguasai China
- China dikuasai Jepun melalui Perang China-Jepun Kedua 1937
- Jepun bertindak balas menyerang Asia Tenggara untuk membebaskan diri
- Serangan diketuai Jeneral Tojo
- Tahun 1936 Jepun dikuasai oleh pemerintahan tentera
- Tahun 1941 Jeneral Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun
- Beliau berjaya mengusir semua kuasa Barat di Asia Tenggara

Langkah Awal Jepun Untuk Menguasai Tanah Melayu

i. Melalui Propaganda

- Digunakan untuk pengaruhi penduduk tempatan melalui slogan "Asia Untuk Orang Asia" dan "Semangat Asia"
- Slogan berunsur anti-penjajah Barat
- Banyak menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara-negara di Timur
- Propaganda disiarkan melalui akhbar Jepun *The Syonan Times* & *Fajar Asia*

ii. Rancangan "Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya"

- Strategi yang sangat berkesan

- Penduduk tempatan tidak menganggap Jepun sebagai penjajah baru menggantikan British

Kemaraan Tentera Jepun di Tanah Melayu

i. Melalui Kawasan Utara di Thailand

- Tentera Jepun mendarat serentak di Singgora dan Pattani, Thailand pada 8 Disember 1941
- Tentera terus mara ke Jitra, Kedah
- Tentera berpecah dua
- Satu pasukan ke Pulau Pinang dan terus mara ke selatan melalui pesisiran pantai barat
- Satu pasukan lagi mengikut jalan darat menuju bandar-bandar utama di negeri-negeri pantai barat

ii. Melalui Kawasan Kota Bharu

- Tentera Jepun mendarat pada 8 Disember 1941
- Tentera mara ke selatan mengikut jalan darat di negeri-negeri pantai timur

iii. Melalui Kawasan Sarawak dan Sabah

- Tentera Jepun mendarat di Miri dari Cam Ranh, Vietnam pada 16 Disember 1941
- Berpecah kepada dua pasukan
- Satu pasukan mara ke Kuching dan Sibiu
- Pasukan kedua mara ke Sabah melalui Labuan dan Sandakan
- Kemudian mara ke kawasan pesisiran pantai kedua-dua negeri terutama di bandar-bandar besar
- Tiada tentangan sengit terhadap kemaraan tentera Jepun di Sarawak dan Sabah

Cara Kemaraan Tentera Jepun

i. Menggunakan kapal terbang perang

- Digunakan tentera Jepun untuk menyerang tentera British di Tanah Melayu
- Kapal ini sebagai pelindung kepada tentera darat Jepun

ii. Menggunakan kereta kebal pengempur

- Berjaya memaksa tentera British berundur
- Jepun menggunakan kereta kebal kecil dan ringan yang lebih mudah dikendalikan

iii. Menggunakan bot

- Bot digunakan untuk mendaratkan tenteranya dari kapal perang yang sukar berlabuh di pantai

iv. Menggunakan basikal

- Tujuan mempercepatkan perjalanan tanpa disedari pihak British
- Basikal mudah untuk melalui jalan sempit

Kesan Kemaraan Jepun di Tanah Melayu

i. Jepun menguasai Tanah Melayu

- Tentera Jepun berjaya kuasai Tanah Melayu dalam masa 10 minggu

- Pada 15 Februari 1942 Tanah Melayu dan Singapura jatuh ke tangan Jepun
- Leftenan Jeneral A.E. Percival menyerah diri kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki (dikenali "Harimau Malaya") di Singapura
- Jepun gunakan strategi peperangan yang baik terutama *kegiatan perisikan Jepun* yang berkesan

ii. Banyak berlaku kemusnahan

- Kemusnahan berlaku pada infrastruktur, ekonomi dan bangunan
- British gunakan taktik "bumi hangus"
- British memusnahkan jambatan, jalan kereta api, jalan raya, ladang-ladang dan kawasan perlombongan
- Tujuannya untuk melengah-lengahkan kemaraan tentera Jepun dan melumpuhkan ekonomi
- Contoh kemusnahan ialah Jambatan Guillemard di Kuala Krai, Kelantan dan Bangunan Muzium Selangor
- Di Sarawak, British membakar telaga minyak di Miri dan memusnahkan dokumen-dokumen kerajaan

iii. Jepun gagal menguasai bahan mentah Tanah Melayu

- Tindakan British berjaya menggagalkan usaha Jepun untuk menguasai bahan mentah negara

iv. Kelemahan tentera British di Tanah Melayu

- Tentera British yang terdiri daripada askar-askar India-Gurkha, Australia dan British tidak mampu menyekat kemaraan tentera Jepun
- Tentera British tidak berhasrat untuk mempertahankan Tanah Melayu dengan bersungguh-sungguh kecuali Singapura
- British tumpukan perhatian untuk pertahankan negara Britain daripada serangan tentera Paksi di Eropah
- Rejimen Askar Melayu pimpinan Leftenan Adnan berjuang bermatimati mempertahankan Tanah Melayu

Faktor Kejayaan Jepun Mengalahkan British di Tanah Melayu

i. Perancangan awal perang

- Jepun menggunakan propaganda untuk memenangi hati dan mendapatkan kerjasama penduduk Tanah Melayu
- Jepun menjalankan aktiviti perisikan di Tanah Melayu bagi mendapatkan maklumat untuk memudahkan serangan

ii. Kelengkapan perang tentera Jepun

- Jepun menggunakan banyak kapal terbang pejuang moden seperti "Zero Fighter"
- Jepun menggunakan kereta kebal yang sesuai dengan keadaan muka bumi Tanah Melayu

iii. Semangat tentera Jepun

- Tentera Jepun berjuang untuk kemegahan negara mereka
- Tentera Jepun rela mati demi Maharaja Jepun

- Tentera Jepun berpengalaman kerana pernah terlibat dalam Perang China-Jepun

iv. Taktik serangan Jepun

- Jepun memusnahkan Pearl Harbour di Hawaii yang menjadi pangkalan utama tentera Amerika Syarikat di Asia Pasifik pada 7 Disember 1941
- Jepun memulakan serangan dari utara tanah Melayu kerana pertahanan utama British tertumpu di Singapura

v. Kelemahan tentera British

- Tentera British tidak bersedia untuk menghadapi serangan Jepun kerana lebih menumpukan peperangan di Eropah
- Tentera British kurang latihan dan kekurangan peralatan perang
- Askar India yang berkhidmat dengan tentera British telah berubah sikap menjadi anti-British
- Tumpuan pertahanan British hanya di Singapura

vi. Pakatan Jepun-Thailand

- Thailand memberikan laluan kepada tentera Jepun mendaratkan tenteranya dan sebagai balasan Jepun tidak menyerang Thailand
- Jepun berjanji menyerahkan Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada Thailand

vii. Peranan Kesatuan Melayu Muda (KMM)

- KMM membantu menyebarkan propaganda Jepun kepada orang Melayu
- KMM memberi maklumat perisikan tentang Tanah Melayu
- KMM menjadi penunjuk arah semasa kemaraan Jepun

DASAR PEMERINTAHAN JEPUN DI TANAH MELAYU

a. Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu

- pemerintahan bercorak tentera di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah
- Tanah Melayu dikenali sebagai *Malai Baru* (Melayu Baru)
- Singapura dikenali sebagai *Syonan* (Cahaya Selatan)
- Pentadbiran Singapura diasingkan daripada Tanah Melayu
- Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu terbahagi dua iaitu pentadbiran pusat dan pentadbiran wilayah

i. Pentadbiran Pusat

- Jepun gabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah pentadbiran pusat
- Diketuai Pengarah Agung berpusat di Singapura
- Dibantu oleh Mahkamah, Biro Pentadbiran dan Majlis Pusat
- Sarawak, Sabah dan Brunei digabungkan di bawah pentadbiran Borneo Utara
- Diketuai oleh Gabenor Jeneral di Kuching

ii. Pentadbiran Wilayah

- Di bawah pentadbiran pusat yang terdiri daripada negeri-negeri
- Setiap wilayah diketuai Gabenor Wilayah
- Negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diberikan kepada Thailand sebagai menghargai kerjasama
- Sarawak dibahagikan kepada tiga wilayah (Kuching, Sibul & Miri)
- Sabah kepada dua wilayah (Jesselton & Sandakan)
- Setiap wilayah diketuai seorang Gabenor Wilayah
- Diperingkat daerah pentadbiran sama dengan pentadbiran British
- Mempunyai Residen, Pegawai Daerah (15 buah daerah) & Ketua Tempatan

b. Dasar Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu

- Jepun memperkenalkan pelbagai dasar
- Dasar Jepun sering berubah mengikut kepentingan
- Kebajikan penduduk tidak dijaga
- Penduduk tiada hak bersuara
- Setiap dasar Jepun mempunyai muslihat tertentu
- Apabila Jepun sedar akan kalah dalam Perang Dunia II barulah Jepun membuat dasar yang memberi kebaikan kepada penduduk
- Tujuan untuk mendapat sokongan penduduk tempatan supaya tidak kembali menyokong British
- Dasar pemerintahan boleh dilihat dalam aspek politik, ekonomi & sosial

i. Politik

- Sultan tidak lagi menjadi pemerintah negeri
- Sultan hanya menjadi ketua agama Islam & adat istiadat Melayu sahaja
- Sultan diberi elau seperti semasa pemerintahan British
- Tanah Melayu dijadikan tanah jajahan Jepun
- Majlis Agama Islam hanya ditubuhkan apabila Jepun hampir kalah

ii. Ekonomi

- Ekonomi Tanah Melayu dieksploit untuk kegiatan perindustrian & membiayai peperangan
- Mata wang Jepun diperkenalkan
- Ekonomi sara diri untuk pengeluaran makanan harian digalakkan
- Catuan makanan dilaksanakan untuk mengatasi kekurangan bahan keperluan harian
- Layanan istimewa diberikan kepada *kaisha* (syarikat Jepun)

iii. Sosial

- Sekolah Inggeris & Cina ditutup bagi menghapuskan pengaruh Barat & China
- Kesetiaan penduduk Tanah Melayu ditumpukan kepada Maharaja Jepun
- Lagu Kebangsaan Jepun iaitu *Kimigayo* dinyanyikan pada setiap pagi di sekolah
- Bahasa Jepun atau *Nippon-go* menjadi bahasa pengantar di sekolah

- Satu ruangan khas belajar bahasa Jepun dimuatkan dalam akhbar *Fajar Asia*
- Rakyat diwajibkan belajar bahasa Jepun
- Cuti sempena hari-hari perayaan negara Jepun diperkenalkan
- Orang Melayu dilayan lebih baik untuk mendapatkan sokongan pemerintahan
- Orang Cina dilayan kasar kerana menyokong kerajaan China dalam Perang China-Jepun
- Orang India dilayan baik kerana Jepun inginkan kerjasama mereka bagi mengusir British di India

Contoh Dasar Penjepunan

- Stesen Kereta Api Tanjung Pagar diberi nama baru iaitu Stesen Kereta Api Syonan
- Persatuan Perdagangan perlu menggunakan bahasa Jepun iaitu *Shonan Shokai*
- Budaya Jepun diiklankan dalam akhbar
- Murid sekolah dan kakitangan kerajaan dipaksa menyanyikan lagu kebangsaan Jepun *Kimigayo*

REAKSI PENDUDUK

- Pelbagai reaksi penduduk tempatan seperti orang Melayu, India & Cina

i. Reaksi Orang Melayu

Reaksi Peringkat Awal

- Sebahagian besar tidak menentang
- Mereka mengalu-alukan kedatangan Jepun
- Terpengaruh dengan slogan Jepun "Asia Untuk Orang Asia" dan rancangan "Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya"
- Orang Melayu diberi layanan baik oleh tentera Jepun
- KMM pimpinan Ibrahim Haji Yaacob mengadakan pakatan sulit dengan Jepun
- Tujuan supaya Tanah Melayu mendapat kemerdekaan

Reaksi Selepas Jepun Menguasai Tanah Melayu

- Sokongan orang Melayu tidak kekal lama
- Jepun memerintah secara tentera
- Dasar pemerintahan Jepun menyusahkan rakyat
- Slogan Jepun hanya muslihat untuk menguasai Tanah Melayu
- Tanah Melayu tidak diberi kemerdekaan seperti dijanjikan
- Status Tanah Melayu berubah menjadi tanah jajahan
- Negeri-Negeri Melayu Utara diserahkan kepada Thailand sebagai balasan kerjasama
- Di peringkat awal Jepun tidak mengiktiraf kedudukan raja-raja Melayu
- KMM dibubarkan oleh Jepun
- Tentera Jepun mula kejam terhadap sesiapa sahaja yang dianggap pesalah

ii. Reaksi Orang Cina

- Banyak dipengaruhi Perang China-Jepun 1937
- Terlibat dengan gerakan anti-Jepun

- Mereka memulaukan barangan Jepun & memungut derma untuk membantu Negara China
- Pemuda Cina ramai yang balik ke China menyertai perang menentang Jepun
- Kesannya - apabila Jepun menguasai Tanah Melayu orang Cina dilayan kasar & dibunuh tentera Jepun
- Ada juga orang Cina menyokong Jepun untuk menjaga kepentingan perniagaan & keselamatan nyawa mereka

iii. Reaksi Orang India

- Mendapat layanan baik daripada Jepun
- Tujuan Jepun untuk mendapat kerjasama orang India mengusir British di India
- Orang India diseru bersatu padu untuk tujuan tersebut
- Jepun berjaya mempengaruhi orang India dalam tentera British supaya berpaling tadah & bekerjasama dengan Jepun
- Sebahagian besar orang India menyertai Tentera Kebangsaan India & menubuhkan Liga Kemerdekaan India hasil dorongan Jepun

Reaksi Penduduk Terhadap Dasar Kejam Jepun di Tanah Melayu

- Muncul gerakan anti-Jepun di Tanah Melayu, Sabah & Sarawak
- Bergerak secara gerila untuk menentang Jepun
- Mendapat kerjasama daripada tentera Bersekutu khususnya British

Gerakan Anti-Jepun di Tanah Melayu

i. *Melayan People's Anti Japanese Army (MPAJA)*

- Ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM)
- Bekerjasama dengan British untuk mendapat bantuan kewangan, latihan ketenteraan & senjata
- Menggunakan taktik perang gerila

ii. *Force 136*

- Ditubuhkan tentera Bersekutu di Pahang, Johor & Kedah untuk menentang Jepun di Tanah Melayu
- Anggotanya mendapat latihan daripada tentera Bersekutu di Sri Lanka
- Mereka terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu

iii. *Askar Melayu Setia (AMS)*

- Melancarkan perang gerila
- Bekerjasama & mendapat bantuan daripada *Force 136*

iv. *Pasukan Wataniah Pahang*

- Sultan Pahang (Sultan Abu Bakar) sebagai Pemerintah Kehormat
- Diketahui oleh Yeop Mahidin
- Berhubungan baik dengan pasukan *Force 136*

v. *Gerila Kinabalu*

- Pimpinan Albert Kwok
- Melancarkan pemberontakan *Double Tenth* tetapi gagal

vi. *Pasukan Gerila Datu Mustapha*

- Menjalankan penentangan di Kudat

vii. *Pasukan Gerila di Sandakan*

- Menjalankan penentangan di Sandakan

viii. *Penentangan di Pesisir Pantai Sarawak*

- Menjalankan gerakan membantu tentera Bersekutu mengusir tentera Jepun

Jepun di Ambang Kekalahan

- Tahun 1945 tentera Bersekutu mendesak Jepun menyerah diri
- Jepun enggan
- Pada 9 Ogos 1945 tentera Bersekutu menggugurkan bom atom di Hiroshima & Nagasaki
- 15 Ogos 1945 Jepun terpaksa menyerah kalah tanpa syarat
- Jeneral Seishiro Itagaki iaitu ketua tentera Jepun di Tanah Melayu menyerah diri kepada tentera Bersekutu di Majlis Perbandaran Singapura
- Tentera Bersekutu diwakili Laksamana Louis Mountbatten
- Pada 10 September 1945 pemerintah tertinggi tentera Jepun ke-37 di wilayah Borneo Masao Baba menyerah kalah di Surrender Point, Labuan

1.2 KESAN PEMERINTAHAN TENTERA JEPUN DI TANAH MELAYU

KESAN POLITIK

i. *Berjaya Mempengaruhi Penduduk Tempatan*

- Kejayaan Jepun dalam Perang Dunia II menewaskan kuasa barat memberi keyakinan kepada orang Asia untuk membebaskan negara daripada penjajah
- Menyemarakkan semangat kebangsaan di kalangan penduduk Tanah Melayu, Sabah & Sarawak
- Slogan Jepun "Asia Untuk Orang Asia" berjaya mempengaruhi pemikiran penduduk tempatan untuk menolak penjajah Barat

ii. *Orang Melayu Terlibat Dalam Pentadbiran Awam*

- Jepun menubuhkan Koa Kunrenjo (Sekolah Latihan Kepimpinan) di Singapura, Pulau Pinang & Melaka
- Tujuan melatih pegawai awam
- Jepun melibatkan orang Melayu dalam pentadbiran
- Contoh;
 - a. Orang tempatan diberi peluang menjadi Pegawai Daerah iaitu Abang Haji Openg (Kuching) & Kapten Mohd Salleh Haji Sulaiman (Hulu Perak)
 - b. Ibrahim Haji Yaacob dilantik sebagai Leftenan Kolonel PETA (Pembela Tanah Air) iaitu pertubuhan separa tentera & diberi latihan oleh Jepun untuk menentang tentera Bersekutu
 - c. Dr. Burhanuddin al-Helmy dilantik sebagai Penasihat Kebudayaan & Adat Istiadat Melayu

- d. Dato' Onn Jaafar dilantik menjadi Pengawal Makanan Negeri Johor & juga ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor
- Peluang menjawat jawatan tinggi tidak pernah diberi semasa pentadbiran British

iii. *Jepun Tidak Menepati Janji*

- Dasar Jepun untuk membela negara-negara Asia tidak dilaksanakan
- Di Tanah Melayu kegiatan politik diawasi Jepun
- Kebebasan bersuara disekat
- Akhbar-akhbar yang mencurigakan diharamkan oleh Jepun
- Hanya pertubuhan pro-Jepun sahaja dibenarkan aktif
- KMM yang banyak membantu Jepun juga diharamkan pada tahun 1942
- Pertubuhan politik dibenarkan bergiat semula apabila Jepun menerima tekanan tentera Bersekutu
- Segala dasar Jepun mula longgar
- Contoh;
 - a. Tanah Melayu dijanjikan akan merdeka bersama Indonesia
 - b. Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan bertujuan mendapatkan kemerdekaan bersama Indonesia
- Kesan - konsep Melayu Raya yang diperjuangkan KMM semakin kukuh

iv. *Kebangkitan Semangat Kebangsaan*

- Semangat kebangsaan semakin bersemarak
- Semangat kebangsaan rakyat berbeza mengikut kaum & berpaksi kepada Negara asal
- Contoh;
 - a. semangat kemerdekaan orang India untuk memerdekakan Negara India
 - b. semangat kebangsaan orang Cina lebih bersifat anti-Jepun
- Kesan;
 - a. Parti Komunis Malaya (PKM) semakin berpengaruh apabila mendapat bantuan daripada pasukan *Force 136*
 - b. PKM menubuhkan MPAJA dikenali dengan nama "Bintang Tiga" melambangkan tiga kaum utama tetapi sebahagian besar anggotanya kaum Cina

KESAN EKONOMI

i. *Rancangan Ekonomi Jepun gagal*

- Rancangan mewujudkan "Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya" gagal kerana Jepun lebih tumpukan kepada peperangan
- Kesan;
 - a. Ekonomi Tanah Melayu merosot
 - b. Gaji pegawai kerajaan dikurangkan
 - c. Kadar pengangguran meningkat
- Perdagangan antarabangsa terhenti kerana sekatan ekonomi kuasa Bersekutu
- Kesan;
 - a. Hasil bijih timah & getah tidak dapat dieksport ke Barat
 - b. Beras tidak dapat diimport dari Thailand & Burma

c. Kawalan kawasan perairan oleh kapal selam Bersekutu menyebabkan bahan mentah tidak dapat dihantar ke Jepun

ii. Ekonomi Hanya Menguntungkan Jepun

- Dasar ekonomi Jepun tidak menguntungkan penduduk
- Amalan rasuah, menyorok barang & pasaran gelap berlaku di merata tempat
- Mata wang Jepun dikenali sebagai “wang pokok pisang” dicetak tanpa kawalan & nilainya rendah
- Kesan - berlaku inflasi kerana terlalu banyak wang tetapi barang kurang

iii. Penduduk Sengsara & Menderita

- Bekalan barang keperluan harian seperti makanan, pakaian & ubat sukar diperolehi
- Jika adapun harganya melambung tinggi

iv. Catuan Bekalan Makanan

- Bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan
- Kad catuan diberikan bagi memastikan tiada keluarga mendapat bekalan lebih daripada yang ditetapkan
- Contoh - setiap keluarga dibenarkan memiliki dua gantang beras untuk sebulan
- Kesan;
 - a. Kadar ini tidak mencukupi bagi sebuah keluarga besar
 - b. Ubi kayu & keledek menjadi makanan utama menggantikan nasi
 - c. Ramai penduduk Bandar berpindah ke luar Bandar untuk mencari kehidupan lebih baik

vi. Banyak Ciptaan Baru Muncul

- Keperluan hidup menjadikan penduduk tempatan lebih kreatif
- Banyak ciptaan baru muncul berasaskan bahan tempatan
- Contoh;
 - a. Kasut getah daripada getah keping dihasilkan
 - b. Kain daripada benang nanas dihasilkan

vii. Perkembangan Perusahaan Tradisional & Industri Baru

- Perusahaan tradisional digiatkan semula seperti menghasilkan minyak kelapa, gula kelapa & rokok daun
- Ubat-ubatan menjadi semakin penting
- Muncul banyak industri baru berasaskan sumber tempatan yang diusahakan syarikat Jepun
- Contoh;
 - a. Lori & kereta berkuasa wap menggunakan arang batu
 - b. Bahan api daripada susu getah
 - c. Tayar tanpa tiup daripada getah padat
 - d. Tali kapal daripada sabut kelapa
 - e. Kelambu & kain daripada benang daun nanas
 - f. Kertas daripada buluh, daun getah & lalang
 - g. Peralatan berasaskan kulit haiwan & logam
- Industri yang tidak ekonomik & kekurangan bahan mentah semakin pupus

KESAN SOSIAL

i. Penduduk Sengsara & Takut

- Penduduk dikenakan perintah berkurung & sekatan perjalanan
- Penduduk saling mencurigai satu sama lain kerana bimbang dianggap anti-Jepun
- Ramai menjadi tali barut Jepun
- Ramai menjadi mangsa kekejaman Jepun
- **Kempeitai** sentiasa mengintip sesiapa sahaja yang dianggap bersalah
- Prinsip kempeitai adalah “seksa dulu kemudian siasat”
- Hukuman dera & hukuman mati dikenakan di khalayak ramai

ii. Penduduk Menjadi Buruh Paksa

- Sebagai buruh paksa penduduk tidak diberi gaji
- Mereka hanya diberi makanan sekadar untuk hidup
- Ramai penduduk Tanah Melayu menjadi buruh paksa membina “Jalan Kereta Api Maut” di sempadan Thailand-Burma sepanjang 724 km
- Seramai 70 ribu penduduk terlibat & satu pertiga daripadanya terkorban
- Surat tunjuk sebab dikeluarkan oleh tentera Jepun kepada sesiapa yang tidak hadir bekerja

iii. Tiada Kemudahan Kesihatan

- Kemudahan kesihatan terjejas teruk kerana peperangan
- Wabak penyakit merebak terutama penyakit beri-beri disebabkan kekurangan zat makanan
- Bekalan ubat sukar diperolehi kerana tidak dapat diimport
- Keadaan semakin teruk apabila tentera Jepun merampas ubat-ubatan di pasaran untuk kegunaan mereka sendiri

SEJARAH TINGKATAN TIGA

BAB 2

MALAYAN UNION DAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

- Malayan Union (MU) diperkenalkan tahun 1946
- Ia membangkitkan gerakan nasionalisme Melayu
- Orang Melayu menentang MU yang dianggap cuba menjajah Tanah Melayu & menghapuskan ketuanan Melayu
- Ketuanan Melayu bermaksud semangat cinta akan apa saja berkaitan bangsa Melayu seperti hak politik, bahasa, budaya & adat istiadat
- Tentangan ini melahirkan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948

2.1 TANAH MELAYU SELEPAS KEKALAHAN JEPUN

- Jepun kalah tahun 1945
- Tanah Melayu dikuasai Parti Komunis Malaya (PKM) selama 14 hari
- PKM banyak melakukan keganasan
- Tanah Melayu menjadi huru-hara
- Keadaan diselamatkan oleh Pentadbiran Tentera British (PTM) atau *British Military Administration* (BMA)
- BMA - merupakan pentadbiran bercorak tentera oleh British sebelum Malayan Union diperkenalkan

Keganasan 14 Hari

- Jepun meninggalkan Tanah Melayu selepas kalah
- Berlaku “kekosongan Politik” kerana tiada kuasa yang memerintah
- Kekosongan politik - suatu masa atau keadaan sesebuah negara atau negeri yang tidak mempunyai sebuah kerajaan atau pemerintah
- PKM mengambil kesempatan untuk menguasai keadaan Tanah Melayu
- Tanah Melayu dikuasai oleh cawangan tentera PKM iaitu *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) selama 14 hari
- Tentera MPAJA dikenali sebagai “Bintang Tiga”
- MPAJA telah menguasai - bandar, daerah2 penting, balai polis & pejabat pentadbiran kerajaan
- MPAJA juga menjalankan;
 - Undang2 sendiri seperti - menghukum sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun
 - Mengenakan cukai kepala, cukai harta & cukai tanah
- Antara keganasan MPAJA;
 - Menculik & menyiksa sesiapa yang dianggap bersubahat dengan Jepun
 - Menghukum penduduk yang menganiyai orang Cina
 - Merampas harta benda orang kampung
 - Membunuh sesiapa yang dianggap bersalah
- Contoh keganasan;

- Di Batu Pahat - PKM membunuh seorang penghulu yang dianggap bersubahat dengan Jepun
- Pegawai Daerah yang cuba berunding juga dibunuh
- Di Jelebu, Negeri Sembilan - PKM mencemarkan masjid & surau
- Di Kampung Bakor & Sungai Manik, Perak - PKM membakar rumah2 yang berpenghuni di waktu malam
- Kesan keganasan;
 - Berlaku ketegangan kaum kerana kebanyakan anggota PKM orang Cina
 - Penduduk Melayu bangkit menentang PKM
 - Berlaku huru-hara di beberapa tempat di Semenanjung Tanah Melayu
 - Contoh - di Batu Pahat & Muar - orang Melayu pimpinan Kiai Salleh Karim bergabung tenaga menyerang orang Cina di bandar Batu Pahat
- Berjaya dihalang oleh Pegawai Daerah Batu Pahat, Dato' Onn Jaafar
- Ketegangan kaum ini berjaya diatasi oleh Pentadbiran Tentera British

Pentadbiran Tentera British

- PTB - merupakan pentadbiran tentera yang diperkenalkan British pada September 1945
- Diketuai oleh Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam - Sir Ralph Hone
- Tujuan PTB - melaksanakan suatu pentadbiran peralihan sebelum sebuah pentadbiran awam diperkenalkan
- Antara kejayaan PTB:
 - Menghapuskan kuasa PKM selama 14 hari di Tanah Melayu
 - Memujuk PKM & MPAJA serah senjata
 - Kawal & hentikan pergaduhan kaum
 - Wujudkan keamanan & tegakkan undang2
- Kesan;
 - Berjaya mengamankan Tanah Melayu
 - British perkenalkan Malayan Union

2.2 MALAYAN UNION (MU)

- Diisytiharkan British pada 1 April 1946 di King's House (Carcosa Seri Negara), Kuala Lumpur
- Gabenor pertama - Sir Edward Gent
- MU menggantikan PTB di Tanah Melayu
- Malayan Union merupakan;
 - Usaha British mengukuhkan pengaruh politik & ekonominya di Tanah Melayu
 - Penjajahan secara mutlak oleh British

Tujuan Penubuhan MU

- Mengurangkan & mengawal kuasa politik orang Melayu

- Menjimatkan perbelanjaan British - NNS, NNMB & NNMTB
- Menjamin terus penguasaan British terhadap sumber ekonomi Tanah Melayu
- Memastikan sumbangan golongan imigran tidak terjejas sebagai sumber tenaga kerja, pelabur & pengembang ekonomi Tanah Melayu
- Mengukuhkan pertahanan British di Tanah Melayu & Asia Tenggara
- Mewujudkan suatu pentadbiran cekap & seragam
- Menyediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri
- Membentuk satu bangsa Malayan Union

Ciri-Ciri Malayan Union

- MU berjaya mengubah status Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada sebuah Tanah Jajahan Mahkota
- Negeri naungan - negeri yang dilindungi oleh British & raja2 Melayu masih menjadi ketua negeri
- Tanah Jajahan Mahkota - negeri yang diperintah oleh British secara langsung & berada di bawah Parlimen British iaitu Melaka & Pulau Pinang
- MU mewujudkan satu pentadbiran bersifat ‘kesatuan’
- Ciri-ciri utama;
 - NNMB, NNMTB & NNS digabungkan menjadi satu unit politik
 - Dibentuk Majlis Eksekutif & Majlis Undangan Malayan Union
 - Malayan Union diketuai oleh seorang Gabenor British yang dilantik oleh Raja England
 - Kewarganegaraan sama rata melalui prinsip *jus soli* yang menjadi asas kerakyatan MU
 - Raja2 menjadi ahli Majlis Melayu (Majlis Raja2 Melayu) yang hanya membincangkan soal agama Islam & adat istiadat Melayu
 - Seorang Pesuruhjaya Negeri dilantik bagi setiap negeri sebagai ketua pentadbir
 - Parlimen British menjadi pemutus undang2 MU

Bentuk Pentadbiran Malayan Union

- Parlimen British - pemutus undang2 MU
- Gabenor MU - dilantik Raja England
- Gabenor dibantu oleh Majlis Eksekutif, Majlis Undangan & Majlis Melayu (Majlis Raja2 Melayu)
- Pesuruhjaya Negeri - sebagai ketua pentadbir setiap negeri

2.3 REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP MALAYAN UNION

- Terdapat pelbagai reaksi (tindak balas)
- Ada yang menyokong & ada yang menentang

i. Golongan Yang Menyokong MU:

- Disokong sekumpulan kecil orang Melayu yang radikal & golongan imigran
- Antara golongan radikal Melayu;

- **PKMM** - Parti Kebangsaan Melayu Malaya
- PKMM ditubuhkan Oktober 1945 oleh PKM di Ipoh & Presiden pertamanya ialah Mokhtaruddin Lasso, Ketua Rejimen 10 Melayu, PKM
- **API** - Angkatan Pemuda Insaf
- **AWAS** - Angkatan Wanita Sedar
- **BATAS** - Barisan Tani Malaya
- Alasan sokongan;
 - MU akan menyatukan sistem pentadbiran Tanah Melayu
 - Mu melahirkan pentadbiran baru & tidak berasaskan kuasa raja & pembesar Melayu
 - Menyokong kerakyatan terbuka
 - Penyatuan pentadbiran agama Islam bagi seluruh Tanah Melayu
 - Percaya dengan janji British akan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu
- Antara golongan yang menyokong pendirian radikal Melayu;
 - **PKM**
 - **MDU** (*Malayan Democratic Union*) - parti politik yang berpusat di Singapura & ahlinya terdiri daripada yang berpendidikan Inggeris
 - **AMCJA** (*All Malayan Council of Joint Action*) - merupakan gabungan golongan imigran diketuai oleh Tun Tan Cheng Lock
- Alasan sokongan;
 - MU menguntungkan kerana kerakyatan yang terbuka kepada sesiapa sahaja
 - MDU mencadangkan Singapura dimasukkan ke dalam MU

ii. Golongan Yang Menentang MU:

- Ditentang kebanyakan peribumi Tanah Melayu

Sebab-Sebab Penentangan

- Penghapusan kedaulatan & kuasa raja2 Melayu - hanya menjadi ahli Majlis Raja2 Melayu, hilang takhta & maruah, pungutan zakat diletakkan di bawah kuasa gabenor British
- Tamadun orang Melayu terhakis - sistem beraja, bahasa Melayu, tulisan Jawi, Ketuanan Melayu tercabar & orang Melayu akan hilang tanah air
- Kerakyatan yang terlalu liberal - *jus soli* mengancam *status quo* orang Melayu & jumlah orang Melayu terancam akibat kerakyatan imigran terlalu mudah
- Membantah tindakan Sir Harold MacMichael mengancam raja2 Melayu - turun takhta & tidak diberi masa cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri

Cara Penentangan Terhadap MU

- Dalam 3 bentuk - secara individu, melalui akhbar & secara kolektif

i. Secara Individu:

- Peranan Dato' Onn Jaafar

- Pada 23 Januari 1946 beliau menulis surat kepada akhbar Utusan Melayu
- Tujuan - menyeru orang Melayu mengadakan kongres & menubuhkan U.M.O (*United Malays Organization*)
- **Raja2 Melayu** membantah MU - menghantar surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan kerana dipaksa menerima MU
- **Kesan** - bantahan orang Melayu menimbulkan kesedaran raja2 Melayu supaya berganding bahu menentang MU
- **Sokongan** - tindakan orang Melayu disokong bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu seperti Frank Swettenham, R.O Winstedt, Sir Frederick Weld & Sir Cecil Clementi
- Mereka menentang cadangan MU secara terbuka dalam akhbar *The Times* di London

ii. Melalui Akhbar:

- Menyuarakan bantahan melalui akhbar **Majlis, Utusan Melayu & Warta Negara**
- **Akhbar Majlis** - akhbar pertama menyeru orang Melayu menentang MU
- **Utusan Melayu** - pada 12 Oktober 1945 menyeru raja2 Melayu berfikir jika MU tidak ditentang
- **Warta Negara** - pada 14 November 1945 menggesa orang Melayu menentang MU

iii. Secara Kolektif (Beramai-Ramai):

- Penentangan lebih berbentuk penyertaan masyarakat iaitu **secara demonstrasi, menubuhkan persatuan2 Melayu, menubuhkan Kongres Melayu 1946 & mengadakan rapat umum**

a. Orang Melayu mengadakan demonstrasi secara aman

- Contoh demonstrasi;
 - Di Alor Setar - seramai 50 000 orang
 - Di Kota Bharu - seramai 10 000 orang
 - Di Johor Bharu - orang ramai berkumpul di hadapan Masjid Sultan Abu Bakar
- Tujuan demonstrasi;
 - Membantah cara Sir Harold MacMichael memperoleh tandatangan raja2 Melayu
 - Membantah MU yang akan menghapuskan kedaulatan negeri2 Melayu & kedudukan orang Melayu sebagai anak negeri
- Contoh slogan yang digunakan;
 - "Tanah Melayu Hak Melayu, Malayan Union Tidak Dikehendaki"
 - "Bersatu Teguh Bercerai Roboh"

b. Menubuhkan persatuan2 Melayu

- banyak persatuan Melayu ditubuhkan & dihidupkan semula
- tujuan - menentang Mu secara berorganisasi
- contoh - Persatuan Melayu Terengganu & Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor

- persatuan2 menghantar **telegram** & surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London
- mereka menolak sama sekali pentadbiran MU
- contoh - Telegram *Islamic Voice of Malaya*, Pulau Pinang

c. Menubuhkan Kongres Melayu 1946

- **Kongres Melayu pertama** diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur
- Dihadiri 41 buah persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu
- Dirasmikan oleh Sultan Selangor iaitu Sultan Hishamuddin Alam Shah & menderma sebanyak \$500
- Pengerusi Kongres Melayu yang pertama - Dato' Onn Jaafar
- Hasil kongres - bersetuju menubuhkan *United Malays National Organization (UMNO)* atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR)
- Mendapat sambutan hebat
- Orang ramai membawa sepanduk patriotik menentang MU
- Tampil berucap - wakil kaum Ibu iaitu Che Maznah & wakil kanak2
- Kata2 "Wahai bapa2 kami, peliharalah hak2 kami sementara kami besar" menjadi pendorong & penguat semangat perjuangan

Kongres Melayu Kedua

- **Kongres Melayu Kedua** diadakan pada 30 hingga 31 Mac 1946
- Tujuan - membantah pengisytiharan MU yang akan diadakan pada 1 April 1946
- Dihadiri 9 wakil persatuan2 negeri Melayu
- Mesyuarat diadakan di pejabat akhbar Majlis di Kuala Lumpur
- Memutuskan 3 perkara penting;
 - Meminta raja2 Melayu memulaukan majlis pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor MU
 - Meminta orang Melayu yang dilantik menganggotai sebarang majlis pentadbiran MU memulaukan pelantikan itu
 - Menuntut orang Melayu berkabung selama 7 hari dengan melitinkan kain putih pada songkok

d. Mengadakan rapat umum

- Diadakan semasa lawatan L.D. Gammans & David Rees Williams (ahli Parlimen British) di setiap bandar pada Mei 1946
- Tujuan lawatan untuk melihat sejauh mana orang Melayu benar2 menentang MU
- Orang Melayu berkumpul di Singapura, Johor Bharu, Muar, Batu Pahat, Rembau, Seremban, Klang, Kuala Lumpur, Ipoh, Alor Setar & George Town
- Orang Melayu membawa sepanduk yang mengutuk MU & Sir Harold MacMichael

Peranan Kaum Wanita / Kaum Ibu Dalam Menentang Pelaksanaan MU

- Memainkan peranan penting menyokong penuh perjuangan UMNO menentang MU
- Antaranya;
 - Halimahton Majid - pemimpin Kaum Ibu UMNO, Rembau berucap dalam perhimpunan kaum ibu membantah MU
 - Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid - Setiausaha Kaum Ibu UMNO yang pertama - telah mengetuai Bahagian Wanita Perikatan Melayu Perak & bergabung tenaga dengan kaum lelaki menyokong Kongres Melayu 1946
 - Cikgu Zahara Abdullah - berucap menentang MU di Batu Pahat
 - Di Selangor, Persatuan Kaum Ibu Selangor telah ditubuhkan khusus menentang MU
 - Peranan kaum ibu ini telah mendapat pujian daripada Dato' Onn Jaafar

2.4 PENUBUHAN UMNO

- Keputusan penubuhan UMNO dibuat dalam Kongres Melayu 1946 di Kuala Lumpur
- Pada 11 Mei 1946, sebanyak 29 buah persatuan menandatangani penubuhan UMNO di Istana Besar, Johor Bharu
- Yang Dipertua pertama - Dato' Onn Jaafar

Tujuan Penubuhan UMNO

- Menjadi wadah perjuangan orang Melayu bagi memperkasa kemajuan bangsa
- Tujuan penubuhan berubah mengikut keperluan semasa
- Contoh perubahan;

i. Tahun 1946;

- Menentang Malayan Union
- Menyatukan orang Melayu daripada seluruh Semenanjung Tanah Melayu
- Mewujudkan satu organisasi nasional
- Menjaga kepentingan politik & ketuanan Melayu
- Memajukan pendidikan orang Melayu
- Melindungi kepentingan orang Melayu tetapi belum bersedia menuntut kemerdekaan

ii. Tahun 1949;

- Menjalankan fungsi sebuah parti siasah (berkaitan politik & pentadbiran) di Tanah Melayu yang sempurna sebagai penyatu bangsa Melayu
- Menjalankan ikhtiar & langkah dengan tujuan mendirikan sebuah kerajaan merdeka yang memerintah Tanah Melayu
- Memajukan orang Melayu dalam hal berkaitan dengan perkara siasah, kebajikan hidup, kebudayaan & iktisas (berkaitan ekonomi)

- Menjadi pelindung kedaulatan tanah air
- Mula menuntut kemerdekaan

Perjuangan Tokoh UMNO

- Tokoh2 UMNO terlibat secara langsung dalam jawatankuasa penggubalan perlembagaan UMNO tahun 1949
- Antaranya;

i. Dato' Onn Jaafar

- Yang Dipertua UMNO pertama (1946-1951)
- Merupakan pengasas UMNO
- Mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Kuala Kangsar & England
- Sebelum memimpin UMNO, beliau bertugas sebagai Pegawai Tadbir Johor & wartawan yang terkenal
- Tahun 1946 dilantik menjadi Menteri Besar Johor kerana berjaya memulihkan keamanan di Batu Pahat semasa pergaduhan kaum (keganasan 14 hari)
- Merupakan orang pertama menyeru orang Melayu bersatu secara berorganisasi di peringkat nasional
- Beliau mencadangkan ditubuhkan sebuah parti politik bertujuan menentang MU
- Berjaya menganjurkan Kongres Melayu 1946 di Kuala Lumpur
- Sumbangan terbesar - menyatukan orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu & berjaya menumbangkan MU
- Menjelajah ke seluruh Tanah Melayu untuk menunjukkan kepada British bantahan orang Melayu terhadap MU
- Berjaya memujuk raja2 Melayu memulaukan upacara pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor MU
- Menjadi ahli jawatankuasa yang menggubal Perlembagaan UMNO tahun 1949
- Beliau mengambil beberapa perlembagaan parti luar negara sebagai panduan

ii. Dato' Panglima Bukit Gantang (1905-1959)

- Nama sebenar - Abdul Wahab bin Abdul Aziz
- Merupakan Setiausaha Agung UMNO pertama
- Berpendidikan di Anderson School, Ipoh, Perak & Inner Temple, England
- Apabila MU diperkenalkan beliau menubuhkan Perikatan Melayu Perak - tujuan menyokong Kongres Melayu menggagalkan MU
- Beliau menjadi Ketua Bahagian UMNO Perak dari tahun 1948-1953

iii. Dato' Nik Ahmed Kamil Nik Mahmud (1909-1977)

- Merupakan Ahli Jawatankuasa UMNO Pusat & Ketua UMNO Kelantan
- Mendapat pendidikan di Sekolah Majlis Agama Islam, Kota Bharu & Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak
- Beliau melanjutkan pelajaran ke Lincoln's Inn, London, England
- Beliau menjadi peguam yang bertauliah

- Pernah menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum menjadi Menteri Besar Kelantan tahun 1948-1955

iv. Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba) - 1895-1973

- Dianggap seorang intelektual Melayu
- Digelar Pendeta Bahasa Melayu yang ulung
- Berasal dari Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Terlibat dalam Kongres Melayu tahun 1946
- Dato' Onn Jaafar meminta beliau menguruskan persidangan kongres tersebut
- Beliau juga mencadangkan kepada Dato' Onn Jaafar supaya menambah perkataan "kebangsaan" atau *national* ke dalam *United Malays Organization* (UMO) menjadi *United Malays National Organization* (UMNO)

Perjuangan & Perkembangan UMNO

- Berjaya memajukan orang Melayu dalam bidang politik, ekonomi, sosial & pendidikan
- Sebuah parti yang memperjuangkan perpaduan orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu
- UMNO mewakili kepentingan orang Melayu yang menjadi dasar perjuangan UMNO
- Perjuangan utama UMNO ialah;
 - Menumbangkan MU
 - Menyatupadukan orang Melayu
 - Memperjuangkan 'ketuanan Melayu'
 - Menghapuskan semangat kenegerian & kedaerahan orang Melayu
 - Mewujudkan sebuah parti politik bercorak kebangsaan
 - Memajukan pendidikan orang Melayu
 - Mengusahakan kemajuan ekonomi & kebajikan orang Melayu
- Beberapa mesyuarat agung diadakan di bandar2 besar
- Contoh;
 - Jun 1946 - di Kota Bharu, Kelantan
 - Tahun 1948 - di Pulau Pinang & dirasmikan Sultan Kedah iaitu Sultan Badlishah
 - Biasanya mesyuarat agung UMNO dirasmikan oleh sultan atau raja2 Melayu setempat
 - Menunjukkan perjuangan UMNO direstui
- Tahun 1946 - **Piagam UMNO 1946** dibentuk yang merupakan perlembagaan UMNO pertama
- Tujuan - sebagai garis panduan untuk UMNO bergerak
- Piagam ini mempunyai 5 bab
- Tahun 1949 - **Perlembagaan UMNO 1949** yang pertama diluluskan untuk menjadikan UMNO sebuah parti politik yang kukuh

Lambang UMNO

- Menjadi identiti UMNO, antaranya;
 - Logo UMNO** - dalam tulisan Jawi iaitu perkataan **PEKEMBAR**
 - Cogan kata** - "**HIDUP MELAYU**" - dicipta oleh Dato' Onn Jaafar untuk menyatukan ahli UMNO
- Cogan kata ini sebenarnya merupakan slogan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor pimpinan Dato' Onn Jaafar sendiri
- Bulan Mac 1950 - cogan kata ini ditukar kepada "**Merdeka**" atas cadangan wakil Pemuda Bahagian UMNO Batu Pahat iaitu Syeikh Gharieb Raub
- Bendera UMNO** - terdiri drpd warna merah, putih, kuning & hijau
 - Merah** - keberanian
 - Putih** - kesucian & keikhlasan
 - Kuning** - lambang raja
 - Hijau** - keris hijau lambang agama Islam & tamadun Melayu
- Pemilihan bendera diputuskan dalam persidangan UMNO di Ipoh, Perak pada Jun 1946
- Dicadangkan oleh Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur
- Bendera UMNO pertama kali dikibarkan pertama kali pada Mesyuarat Agung UMNO di Pulau Pinang 27 Julai 1947

2.5 PENUBUHAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan pada 1 Februari 1948
- Tujuan - menggantikan MU
- Merupakan kejayaan penting kepada perjuangan orang Melayu

Rundingan Awal Ke Arah Penubuhan PTM

- Rundingan Menolak Pelaksanaan MU**
 - Sejak Januari hingga Mei 1946 orang Melayu mengadakan bantahan secara aman
 - Tujuan - menolak MU
 - Mei 1946 - raja2 Melayu mengadakan pertemuan dengan British di Kuala Kangsar
 - Tujuan - menyampaikan pandangan menolak MU
 - Jun 1946 - rundingan UMNO dengan British di Pulau Pinang
 - Kesan;
 - British mengadakan rundingan rasmi dengan raja2 Melayu & UMNO
 - Raja2 Melayu & UMNO menyerahkan satu memorandum menyatakan bantahan terhadap MU secara rasmi

- Rundingan Menubuhkan PTM**

- Pada 25 Julai 1946 Jawatankuasa Eksekutif ditubuhkan
- Dianggotai pegawai kanan British, wakil raja2 Melayu & wakil UMNO

- Perbincangan rasmi diadakan beberapa kali di King's House, Kuala Lumpur
- Beberapa tuntutan dikemukakan, antaranya;
 - Raja2 Melayu & orang Melayu menolak semua prinsip & struktur MU
 - Mereka mahukan sebuah bentuk persekutuan bagi seluruh Semenanjung Tanah Melayu
 - Mereka menolak kerakyatan *jus soli*
 - Mereka mahu taraf negeri naungan bagi negeri Melayu dipulihkan semula
 - Mendesak raja2 Melayu menjadi ketua negeri2 Melayu
- Kesan rundingan;
 - British setuju membentuk PTM kerana tidak mahu orang Melayu menentang secara kekerasan
 - British tidak mahu Parti Komunis Malaya mempengaruhi orang Melayu
 - Sikap sederhana orang Melayu yang sentiasa bekerjasama dengan British & sikap pemimpin2 UMNO sentiasa berunding menyedarkan British
 - British mengubah dasarnya & melaksanakan dasar **dekolonisasi** (proses membebaskan negeri yang dijajah) yang digalakkan oleh PBB
 - Rundingan berakhir dengan termeterai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 21 Januari 1948
 - Pada 1 Februari 1948 PTM dibentuk & majlis menandatangani diadakan di King's House, Kuala Lumpur

Ciri-Ciri Utama PTM 1948

- Konsep **Raja Berperlembagaan** diperkenalkan
 - Majlis Raja2 Melayu** ditubuhkan menggantikan Majlis Melayu
 - Perlindungan istimewa** diberikan kepada orang Melayu & diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British
 - Syarat kerakyatan** diperketatkan
 - Sebuah persekutuan** dibentuk dengan gabungan 11 buah negeri2 Melayu kecuali Singapura
 - Pesuruhjaya Tinggi British menjadi Ketua Persekutuan & dibantu Majlis Mesyuarat Eksekutif & Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan
- Perbezaan Antara Pentadbiran PTM Dengan MU:**

PTM	Perbezaan	MU
PTB, Raja2 Melayu	Ketua Pentadbiran	Gabenor British
Majlis Mesyuarat Eksekutif, Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan & Majlis Raja2 Melayu	Kuasa Peringkat Pusat	Parlimen British

Sultan, Menteri Besar & Majlis Mesyuarat Negeri	Kuasa Peringkat Negeri	Pesuruhjaya Negeri2 & Majlis Mesyuarat Negeri
Sultan negeri	Ketua Agama & Adat	Gabenor British
Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris	Bahasa Pentadbiran	Bahasa Inggeris

Perbezaan Kerakyatan PTM Dengan MU:

PTM	Cara Mendapatkan Kerakyatan	MU
<ul style="list-style-type: none"> <i>Jus soli</i> terbuka kepada Rakyat Raja & Rakyat British Pemohon yang lahir di luar negeri tetapi bapanya adalah rakyat raja atau rakyat British 	Secara kuatkuasa undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> <i>Jus soli</i> bagi mereka yang lahir di MU, Singapura & tanah jajahan British yang lain
<ul style="list-style-type: none"> Pemohon yang berusia 21 tahun, tiada rekod jenayah & bersetuju taat setia kepada PTM Mereka yang berusia 21 tahun & telah tinggal selama 8 tahun daripada 12 tahun di TM serta boleh bertutur Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris 	Secara permohonan	<ul style="list-style-type: none"> Pemohon yang tinggal selama 5 tahun daripada 7 tahun dari tarikh permohonan Anak angkat pemohon yang telah menjadi rakyat MU

SEJARAH TINGKATAN TIGA

BAB 3

ANCAMAN PARTI KOMUNIS MALAYA & DARURAT

- PKM cuba menggulingkan sistem pemerintahan sedia ada untuk digantikan dengan Republik Komunis Malaya

3.1 PENYUSUPAN & KEGIATAN PENGANAS KOMUNIS

Asal-Usul Fahaman Komunis

- Komunisme diasaskan oleh Karl Marx pertengahan abad ke-19
- Karl Marx - tulis buku *The Communist Manifesto*, *Das Capital* & *The German Ideology*
- Merupakan fahaman yang menentang golongan feodal & imperialis secara kekerasan untuk menggantikan pemerintahan bercorak fahaman komunis
- Feodal - sistem kemasyarakatan yang dikuasai golongan bangsawan
- Imperialis - negara yang menjajah atau mengenakan kuasa pemerintahannya ke atas negara lain
- Komunisme memperjuangkan masyarakat tanpa kelas, memiliknegarakan tanah & perindustrian
- Fahaman komunis dianuti beberapa negara seperti Rusia & China

Cara Fahaman Komunis Tersebar Di Tanah Melayu

- Di TM ia disebarkan melalui Parti Kuomintang (KMT) & Parti Komunis Nanyang
- Ejen komunis sebar dakyah komunis di kalangan orang Cina melalui kesatuan sekerja, persatuan2, kelas2 malam & penerbitan
- Di kalangan orang Melayu, fahaman komunis disebarkan melalui Parti Komunis Indonesia (PKI) pada tahun 1924-1930
- Orang Melayu tidak berminat dengan fahaman komunis kerana;
 - Bertentangan dengan agama Islam & adat resam orang Melayu
 - Fahaman komunis tidak mengakui kewujudan tuhan (ateis)
 - Komunis menggunakan kekerasan & kezaliman untuk mencapai matlamat

Penubuhan PKM

- PKM ditubuhkan pada tahun 1930
- Tujuan PKM - menubuhkan Republik Komunis Malaya
- PKM melatih ramai kader & menyusup masuk ke dalam kesatuan sekerja
- Kader - anggota baru PKM yang dilatih untuk menjadi penyokong yang taat setia
- PKM cuba bertapak di Sarawak tetapi gagal

- Tahun 1935 kegiatan PKM menjadi semakin agresif
- Antara kegiatannya;
 - Mempengaruhi pekerja limbungan kapal, pekerja kereta api, pelombong bijih timah, pekerja ladang & kilang
 - Menggalakkan kegiatan sabotaj, mogok & tunjuk perasaan membantah kenaikan cukai
- PKM melancarkan mogok & sabotaj untuk melumpuhkan ekonomi British
- Buktinya;
 - Di lombong arang batu di Batu Arang, Selangor - seramai 6000 orang melancarkan mogok & mengambil alih lombong
 - British menghantar 300 orang polis untuk tamatkan mogok
- Kesan - ramai pemimpin Cina dihantar balik ke China & pemimpin PKM ditahan

PKM Semasa Jepun Menguasai TM:

- PKM menawarkan kerjasama kepada British untuk menentang Jepun
- Anggota PKM dilatih dalam taktik perang gerila di Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura
- Sekolah ini menjadi markas pasukan gerila menentang tentera Jepun di Tanah Melayu
- PKM membentuk *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) atau Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu
- British membekalkan senjata kepada MPAJA melalui Force 136

PKM Selepas Jepun:

- Selepas perang tamat, pihak Pentadbiran Tentera British (PTB) meminta MPAJA dibubarkan & menyerahkan senjata
- PKM bersetuju bubarkan MPAJA
- Sebaliknya PKM tidak menyerahkan semua senjata & sembunyikan sebahagiannya
- Langkah mengatasi - British membayar \$350.00 kepada setiap anggota MPAJA yang menyerahkan senjata & menerima satu beg beras
- PKM yang menyusup masuk dalam kesatuan sekerja terlibat secara aktif dalam pergerakan politik

Keganasan Komunis

- Tahun 1948 beberapa orang wakil PKM menghadiri Persidangan Pemuda Komunis Asia di Culcutta, India
- Persidangan ini menggalakkan parti2 komunis mengadakan pemberontakan bersenjata bagi mencapai matlamat
- Kesan persidangan - PKM menubuhkan unit gerila *Malayan Races Liberation Army* (MRLA)
- PKM memulakan pemberontakan & keganasan, antaranya;
 - PKM menyerang ladang & lombong milik syarikat Eropah
 - Contoh - PKM musnahkan ladang di Kampung Simpang Tiga, Sitiawan, Perak kerana penduduk enggan bekerjasama

- PKM menjalankan aktiviti keganasan dengan menyerang balai polis, membakar kilang, membakar bas, merosakkan landasan kereta api & membunuh orang yang bersubahat dengan British
- Menakik pokok getah - tujuan melumpuhkan ekonomi British

3.2 LANGKAH MEMBANTERAS ANCAMAN KOMUNIS

Pengisytiharan Darurat

- Pengganas komunis membunuh 3 orang pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak
- Peristiwa ini menggemparkan British
- Kesannya - Jun 1948 Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent mengisytiharkan darurat di seluruh TM
- Tujuan - melindungi kepentingan ekonomi British di TM
- Kesan - British Kuatkuasakan Undang2 Darurat 1948
 - Undang2 ini membolehkan British menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam kegiatan komunis
 - Pasukan keselamatan dibenarkan menggeledah rumah kediaman, memindahkan penduduk ke penempatan baru atau memagar kawasan kampung yang disyaki penduduknya membantu pengganas komunis

British Mengharamkan PKM & Parti2 Yang Berhaluan Kiri

- PKM diharamkan pada 23 Julai 1948
- Parti2 politik berhaluan kiri yang perjuang kemerdekaan juga diharamkan seperti;
 - Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
 - Ikatan Pemuda Tanah Air Melayu (PETA)
 - Parti Radikal Melayu (PERAM)
 - Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
 - Parti Hizbul Muslimin

Memperbesarkan Pasukan Keselamatan

i. Menambah Anggota Polis & Tentera

- Pasukan polis disusun semula & diperbesar hingga seramai 70 000 orang
- British membawa masuk askar dari negara2 Komanwel seperti dari Australia, New Zealand, Afrika Timur & Fiji
- Tujuan - menghapuskan ancaman komunis di TM

ii. Menubuhkan Pasukan Home Guard

- Ditubuhkan di peringkat kampung
- Tujuan - membantu pasukan polis & tentera menjaga keselamatan
- Anggota terdiri daripada kaum lelaki & wanita
- Kesan;

- Meniupkan semangat yang berkobar2 untuk mempertahankan negara di kalangan rakyat
- Sultan Selangor memberi kata2 semangat kepada pasukan ini
- Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney berasa kagum dengan kesanggupan & keberanian orang Melayu melawan pegganas komunis secara berhadapan
- Seramai 24 000 orang **Mata2 Khas Melayu** (*Special Constables*) telah dilatih & dihantar mengawal ladang & kawasan lombong yang terpencil
- Pasukan keselamatan mengebom & melakukan serangan hendap ke atas kawasan yang menjadi sarang komunis dengan bantuan Tentera Udara British

Rancangan Briggs

- Dilancarkan oleh Sir Henry Gurney tahun 1950
- Pengarah Operasi ialah Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs
- Rancangan ini melibatkan penempatan semula penduduk di kawasan pinggir hutan ke kawasan penempatan baru
- Digelar 'kampung baru'
- Contoh - kampung baru di Seberang Perai, Pulau Pinang
- Tujuan - menyekat bekalan makanan, wang, maklumat & ubat-ubatan kepada pihak komunis
- Tindakan ini sangat berkesan melumpuhkan gerakan **Min Yuen** di TM apabila penduduk setinggan Cina dipindahkan ke kampung baru
- **Min Yuen** - ditubuhkan oleh PKM untuk memberi maklumat, bekalkan makanan & ubat kepada pegganas komunis
- Anggota Min Yuen - pekerja lombong & ladang

Cara Pelaksanaan Rancangan Briggs

- Seramai 400 000 orang penduduk setinggan Cina dipindahkan ke lebih 400 buah kampung baru di seluruh TM
- Kampung baru dilengkapi kemudahan asas seperti tempat tinggal, sekolah, kemudahan kesihatan, bekalan elektrik & air paip
- Ia dipagari dengan kawat berduri & dikawal ketat oleh *Special Constables* (SC)
- Setiap ketua keluarga diberi kad catuan makanan bagi memastikan setiap anggota keluarga memperoleh bekalan makanan secukupnya
- Pergerakan keluar masuk setiap penduduk dikawal selia setiap masa
- Kerajaan juga melaksanakan program "**Gerakan Kelaparan**" - tujuan memastikan pihak komunis tidak mendapat sebarang bekalan makanan, senjata, maklumat & ubat
- Briggs menyokong penubuhan *Malayan Chinese Association* (MCA) pada tahun 1949 untuk membantu setinggan Cina di kampung baru
- MCA merupakan pertubuhan sosial masyarakat Cina & menjalankan aktiviti

kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan

- Kutipan jualan loteri didermakan kepada penduduk Cina di kampung baru

Langkah-Langkah Keselamatan Yang Dilaksanakan British Bagi Menggempur Pegganas Komunis Di Kampung Baru

i. Mengadakan Sekatan Jalan Raya

- Tujuan - mencegah bekalan makanan, ubat & maklumat sampai ke tangan komunis
- Tanpa barang2 keperluan ini pegganas komunis terpaksa keluar dari tempat persembunyian mereka
- Ia memudahkan pasukan keselamatan menggempur pegganas komunis

ii. Sistem Pendaftaran Kebangsaan

- Tujuan - mengawal pergerakan penduduk
- Setiap penduduk berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan & diberi kad pengenalan untuk membezakannya dengan pegganas komunis

Kesan Kejayaan Rancangan Briggs

- Berjaya melumpuhkan rangkaian gerakan PKM
- Sokongan terhadap PKM semakin merosot
- Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat di Pahang, PKM mengambil keputusan mengurangkan kekejaman terhadap orang awam
- PKM berundur ke selatan Thailand

Perang Saraf

- Merupakan rancangan British menghapuskan pegganas komunis melalui kempen "**memenangi hati & fikiran rakyat**"
- Tahun 1952 Sir Gerald Templer dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di TM & Pengarah Gerakan
- Beliau menggantikan Sir Henry Gurney yang mati dibunuh dalam serangan hendap oleh komunis ketika dalam perjalanan ke Bukit Fraser
- Sir Gerald Templer menyedari penggunaan kekerasan & senjata semata2 tidak akan berjaya menghapuskan pengaruh komunis

Kempen2 & Langkah2 Yang Dilaksanakan British Untuk Menjayakan Perang Saraf

i. Kempen "Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis"

- Dilaksanakan dengan jayanya
- Penduduk pelbagai kaum bersama2 membawa sepanduk mengutuk keganasan komunis
- Penduduk membakar patung2 komunis

ii. Mengedar Risalah Menentang Komunis

- Risalah diedarkan ke seluruh TM
- Perang saraf ini menimbulkan kebencian penduduk terhadap kekejaman komunis
- Penduduk rela hati menawarkan diri menyertai pasukan keselamatan & polis untuk mempertahankan tanah air

iii. Konsep "Kawasan Hitam" & "Kawasan Putih"

- Kawasan hitam merupakan kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif & dikenakan **perintah berkurung**
- Perintah berkurung - larangan kepada setiap individu daripada keluar rumah bermula jam 6 petang hingga 6 pagi
- Kawasan putih ialah kawasan bebas daripada ancaman komunis
- Contoh kawasan putih - Melaka, Terengganu, Kedah, Perlis & Negeri Sembilan
- Ia diisytiharkan oleh Sir Gerald Templer pada tahun 1954

iv. British Melonggarkan Syarat Kerakyatan Kepada Orang Cina

- Tujuan - menarik sokongan orang Cina terhadap usaha perang saraf
- Tahun 1952 seramai 1.2 juta orang Cina & 180 ribu orang India menjadi warganegara TM
- Ia menunjukkan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain demi perpaduan & kesejahteraan rakyat

v. British Menaikkan Jumlah Hadiah Tentang Gerila Komunis

- Diberikan kepada mereka yang berjaya menangkap & memberi maklumat berkaitan komunis
- Contoh;
 - Hadiah menangkap Chin Peng hidup atau mati sebanyak \$250 000
 - Chin Peng merupakan Setiausaha PKM yang berasal dari Sitiawan Perak & nama sebenarnya Ong Boon Hua
 - Hadiah untuk menangkap atau membunuh orang kanan Chin Peng sebanyak \$200 000
- Tawaran hadiah ini telah disiarkan dalam surat khabar *The Straits Times* pada 1 Mei 1952 di Singapura

vi. Peranan Sultan & Menteri Besar

- Sultan & menteri besar setiap negeri sering mengingatkan rakyat tentang langkah2 kerajaan menentang komunis
- Contoh;
 - **Sultan Pahang** - sentiasa ingatkan rakyatnya jangan terpedaya dengan janji komunis & orang Melayu yang menyokong komunis dianggap pengkhianat negara
 - **Menteri Besar Pahang** - mengingatkan orang ramai kekejaman Tentera Bintang Tiga
 - **Dato' Onn Jaafar** - menyeru rakyat membantu kerajaan menghapuskan komunis di TM
- Kerajaan berusaha menimbulkan kebencian rakyat terhadap komunis dengan menggelar mereka sebagai pegganas

vii. Menguatkuasakan Peraturan Catuan Bekalan Makanan

- Pegganas komunis yang terdesak terpaksa bercucuk tanam untuk

mendapatkan bekalan makanan sendiri di dalam hutan

- Pasukan keselamatan berjaya gagalkan rancangan komunis dengan menyembur racun ke kawasan tanaman tersebut

Pengampunan Beramai-Ramai

- Tujuan - menggalakkan pengganas komunis menyerah diri
- Pada tahun 1955 sebanyak 40 juta risalah & 12 juta pas pengampunan diedarkan dalam bahasa Cina, Melayu & Tamil
- setiap hari Radio Malaya menyiarkan syarat tawaran pengampunan itu
- Poster ditampal di serata tempat
- Iklan & wayang gambar digunakan untuk membantu penduduk memujuk pengganas komunis menyerah diri

Pertemuan Baling

- Dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan tahun 1955, Parti Perikatan mengemukakan manifesto yang menjangkakan kemerdekaan segera & menamatkan darurat
- Tunku Abdul Rahman berjanji jika diberi mandat akan berunding dengan pihak komunis
- Pada Oktober 1955, Chin Peng menulis surat kepada Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan rundingan
- Pada 28 & 29 Disember 1955 pertemuan antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng diadakan di pekan Baling, Kedah iaitu di Sekolah Inggeris Baling
- Rundingan ini diwakili oleh;
 - Wakil kerajaan PTM - Tunku Abdul Rahman, David Marshall & Tun Tan Cheng Lock
 - Wakil PKM - Chin Peng, Chien Tien & Rashid Maidin
- Tunku Abdul Rahman meminta supaya Chin Peng membubarkan PKM, meletak senjata & menyerah diri
- Chin Peng pula mengenakan syarat iaitu PKM hanya akan letak senjata & menyerah diri sekiranya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai sebuah parti politik yang sah
- Hasilnya - pertemuan tersebut gagal kerana Tunku Abdul Rahman enggan bertolak ansur dengan syarat Chin Peng
- Alasan Tunku Abdul Rahman;
 - Fahaman komunis tidak sesuai dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum di TM
 - Beliau sedia berunding dengan PKM pada bila2 masa jika PKM berubah fikiran
- TM mencapai kemerdekaan semasa undang2 darurat belum ditamatkan lagi
- Apabila TM merdeka pengaruh komunis semakin merosot
- Pada 31 Julai 1960 kerajaan isytiharkan darurat tamat

3.3 KESAN DARURAT

Kesan Politik

i. Undang2 Darurat 1948

- Diperkenalkan kerana kekejaman & keganasan komunis
- Tujuan - membendung gerakan kebangsaan berhaluan kiri walaupun bukan bercorak komunis & juga gerakan Min Yuen

ii. Kelonggaran Syarat Kerakyatan

- Diberikan kepada orang bukan Melayu tahun 1952
- Tujuan - menarik minat mereka supaya tidak memihak kepada komunis

iii. British Menyegerakan Pemberian Kemerdekaan

- Darurat menjadi faktor penting British memberikan taraf berkerajaan sendiri kepada rakyat TM
- Ia disuarakan British sebelum Pertemuan Baling diadakan
- Tujuan British - supaya PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangan mereka

iv. Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)

- Merupakan usaha menarik minat orang Cina melibatkan diri dalam politik berhaluan kanan
- Kesan;
 - Orang Cina mula memberi kerjasama & membantu kerajaan membanteras komunis
 - Berjaya mengikis pandangan negatif penduduk tempatan terhadap orang Cina yang menganggap semua orang Cina adalah pengganas komunis

Kesan Ekonomi

i. Kehidupan Rakyat Tidak Tenteram

- Keganasan komunis menyebabkan rakyat tidak dapat menjalankan kegiatan harian

ii. Kemusnahan Kemudahan Asas

- Berlaku kemusnahan sistem perhubungan, jentera melombong, kemudahan awam

iii. Gangguan Terhadap Buruh Ladang

- Keadaan ini menjejaskan pengeluaran sumber ekonomi negara
- Ramai pekerja ladang berasa tidak selamat untuk bekerja

iv. Perbelanjaan Kerajaan Meningkat

- Kerajaan membelanjakan sebanyak \$250 000 hingga \$300 000 sehari semasa darurat
- Dalam tempoh 12 tahun kerajaan membelanjakan sebanyak \$721.9 juta bagi tujuan;
 - Membeli peralatan ketenteraan untuk mengukuhkan pertahanan

- Memperbesar pasukan keselamatan, menambah bilangan polis, tentera & Home Guard untuk melindungi keselamatan rakyat

v. Pembangunan Luar Bandar Terabai

- Kerajaan lebih menumpukan perhatian kepada usaha membanteras komunis & darurat
- Lebih ditumpukan kepada pembangunan di perkampungan baru
- Kesan - pembangunan luar Bandar kurang diberi perhatian

Kesan Sosial

i. Kecederaan & Kematian

- Ramai anggota pasukan keselamatan, pengganas komunis & orang awam terkorban
- Akhir tahun 1950-an jumlah yang dikenal pasti ialah;
 - Seramai 21 231 orang awam & tentera terbunuh & cedera
 - Seramai 6133 orang pengganas komunis terkorban

ii. Penduduk Hidup Sengsara & Menderita

- Peperangan menentang komunis berlangsung selama 12 tahun
- Ia membawa kesengsaraan hidup penduduk TM
- Antaranya;
 - Penduduk sukar bergerak
 - Sukar mendapat bekalan makanan
 - Terpaksa mematuhi pelbagai undang2 yang dikenakan kerajaan
 - Penduduk luar bandar tidak dapat menjalankan aktiviti harian
 - Pekebun kecil tidak dapat mengusahakan pertanian kerana larangan perintah berkurang
 - Terpaksa bergantung kepada makanan seperti ubi & keledak kerana catuan bekalan makanan sama seperti zaman pendudukan Jepun

iii. Masalah Hubungan Kaum

- Tempoh darurat yang panjang memberi kesan kepada hubungan kaum di TM
- Tahun 1949 ditubuhkan *Community Liaison Committee (CLC)* atau Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- Tujuan - mengeratkan kerjasama antara kaum di TM

iv. Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan

- Dasar ini berorientasikan kandungan sukatan pelajaran TM sendiri
- Tujuan - memupuk cintakan tanah air di kalangan generasi muda
- Penggunaan bahasa pengantar yang sama diharapkan dapat memupuk persefahaman antara kaum

SEJARAH TINGKATAN TIGA

BAB 4
KERJASAMA ANTARA KAUM
KE ARAH KEMERDEKAAN

4.1

SEJARAH TINGKATAN TIGA

BAB 5 KEMERDEKAAN NEGARA 31 OGOS 1957

5.1 ROMBONGAN MERDEKA:

- Tujuan rombongan untuk mendapatkan kemerdekaan
- Diusahakan oleh Parti Perikatan awal tahun 1946
- Tunku Abdul Rahman (TAR) sebagai Ketua Menteri berunding dengan Raja2 Melayu & British untuk mendapatkan kemerdekaan
- Bersetuju adakan mesyuarat rasmi dengan British
- Rombongan Merdeka dibentuk
- Terdiri daripada 4 wakil Raja2 Melayu & 4 wakil Parti Perikatan
- Rombongan ke London diketuai oleh TAR
- Orang ramai memberi sokongan padu

Anggota Rombongan Merdeka:

a. Wakil Parti Perikatan

- Tunku Abdul Rahman (Ketua)
- Tun Dr Ismail
- Tun H.S. Lee
- Tun Abdul Razak

b. Wakil Raja2 Melayu

- Dato Panglima Bukit Gantang
- Abdul Aziz Othman
- Dato' Mohd Seth
- Dato' Nik Ahmed Kamil

Matlamat Rombongan Merdeka:

- Untuk merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan British di London
- Beberapa keputusan dicapai sebagai asas perundingan
- Dibentuk satu perjanjian - Perjanjian London

Perjanjian London:

- Dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd iaitu Setiausaha Tanah Jajahan British
- Rundingan berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956
- Kedua2 pihak bersetuju tandatangani perjanjian
- Antara perkara yang dipersetujui;
 - i. Tarikh kemerdekaan ditetapkan pada 31 Ogos 1957
 - ii. Suruhanjaya bebas dilantik untuk gubal Perlembagaan Merdeka
 - iii. Parti Perikatan tidak akan ambil alih perniagaan British atau kepentingan British di PTM
 - iv. Perjanjian pertahanan dengan British ditandatangani bagi menjaga keselamatan & kepentingan ekonomi British di PTM
 - v. Konsep Raja Berperlembagaan dikekalkan
 - vi. Pembahagian kuasa antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri diteruskan

- Rombongan Merdeka kembali ke Tanah Melayu pada 20 Februari 1956
- Disambut meriah dalam perhimpunan besar di Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka
- TAR & rombongan diiringi Pemuda UMNO Melaka
- TAR isytiharkan tarikh merdeka dengan seruan merdeka
- Orang ramai menyambut laungan 'Merdeka' dengan penuh semangat

5.2 PENYEDIAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU:

- Bagi negara bakal merdeka seperti PTM, sebuah perlembagaan yang dipersetujui semua kaum amat penting
- Parti Perikatan bersetujudengan penubuhan suruhanjaya bebas - Suruhanjaya Reid

Suruhanjaya Reid:

- Dibentuk pada Mac 1956
- Tujuan menyusun perlembagaan PTM
- Dipengerusikan Lord William Reid
- Tugas Suruhanjaya Reid;
 - i. Merangka sebuah pelebmbagaan bagi PTM
 - ii. Membentuk & menentukan kuasa kerajaan pusat & negeri
 - iii. Menjamin kedudukan khas Raja2 Melayu
 - iv. Mewujudkan rupa bangsa PTM

- Suruhanjaya ini menerima sebanyak 131 memoerandum daripada pelbagai pihak termasuk Raja2 Melayu
- Februari 1957 Suruhanjaya Reid keluarkan draf perlembagaan untuk dibahaskan oleh penduduk & parti politik tempatan
- Beberapa cadangan asal dipinda untuk memuaskan hati semua pihak
- Antaranya;
 - i. Sebuah negara persekutuan dibentuk dengan pembahagian kuasa pusat dan negeri
 - ii. Kerakyatan secara *jus soli* kepada mereka yang lahir di Tanah Melayu
 - iii. Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan tanpa menjejaskan hak kaum lain
 - iv. Institusi Raja2 Melayu & konsep Raja Berperlembagaan dikekalkan
 - v. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Cina & Tamil boleh dikembangkan & menjadi bahasa pengantar di sekolah masing2
 - vi. Agama Islam dijadikan agama rasmi persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan

- Semua perkara dipersetujui berdasarkan semangat tolaq ansur antara kaum
- Ia membolehkan kerajaan berdemokrasi dengan konsep Raja Berperlembagaan dibentuk
- Pemimpin Melayu & bukan Melayu menyokong pakatan
- Cadangan Suruhanjaya Reid diterima Parlimen British pada Jun 1957
- Draf Perlembagaan Merdeka dibentang untuk diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan

- Upacara menandatangani Perjanjian Merdeka 1957 diadakan pada 15 Ogos 1957 antara Raja2 Melayu dengan British di Kuala Lumpur
- Ia ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong pertama iaitu Tuanku Abdul Rahman Ibtu Tuanku Muhammad (1957-1960) di King's House, Kuala Lumpur

Ahli Suruhanjaya Reid:

- Lord William Reid
- Sir Ivor Jennings (England)
- Sir William Mckell (bekas Gabenor Jeneral Australia)
- Tuan bin Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India)
- Tuan Abdul Hamid (Pakistan)

Perlembagaan Merdeka:

- Mempunyai beberapa fasal penting, antaranya;
 - i. Kerajaan persekutuan dibentuk dengan nama Persekutuan Tanah Melayu
 - ii. Ketua negara ialah Yang di-Pertuan Agong
 - iii. Pembentuk sebuah Parlimen yang mempunyai Dewan Rakyat & Dewan Negara
 - iv. Perdana Menteri sebagai ketua pentadbiran dibantu sebuah kabinet
 - v. Agama Islam sebagai agama rasmi PTM
 - vi. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
 - vii. Kerakyatan terbuka kepada sesiapa yang lahir di Tanah Melayu & kerakyatan secara permohonan dengan syarat tertentu juga diberi pertimbangan
 - viii. Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan tanpa mengurangkan hak warganegara lain

5.3 PEMASYHURAN KEMERDEKAAN:

- Bermaksud perisytiharan atau pengumuman penting
- Pemasyhuran kemerdekaan bererti PTM telah bebas daripada penjajahan selama2nya

Peristiwa Pemasyhuran Kemerdekaan:

i. Peristiwa Sebelum Pemasyhuran:

- Bendera Union Jack diturunkan di hadapan Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur tepat jam 12.00 tengah malam 30 Ogos 1957
- Kemudian bendera PTM dinaikkan oleh beberapa orang pemuda UMNO
- Disaksikan ribuan rakyat dengan sorakan, tepukan gemuruh & laungan merdeka

ii. Peristiwa Hari Pemasyhuran:

- Dilakukan pada pagi 31 Ogos 1957 dengan penuh gemilang di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
- Stadium ini dibina khas untuk upacara perisytiharan kemerdekaan negara siap sehari sebelum majlis
- Tujuan pembinaan stadium - untuk melahirkan identiti kebangsaan kepada negara yang merdeka
- Disaksikan ribuan rakyat

- Raja2 Melayu berseri2 dengan pakaian songket berkilau & dipayungi payung diraja
- Raja2 Melayu duduk berbaris di pentas khas
- Wakil Ratu Elizabeth iaitu Duke of Wellington bersedia dengan watak penyerahan kuasa
- Antara atur cara majlis;
 - i. Ucapan wakil Ratu England
 - ii. Wakil Ratu England menyerahkan dokumen perisytiharan kemerdekaan kepada Yang di-Pertuan Agong (Ketua Negara PTM)
 - iii. TAR membaca perisytiharan tersebut dengan lantang
 - iv. TAR melaungkan seruan MERDEKA! sebanyak 7 kali dengan disambut oleh hadirin

Maksud Simbolik Di Sebalik Penyerahan Watak Pemasytuhan Kemerdekaan:

- Menandakan kuasa politik negara dikembalikan semula kepada pemerintah tempatan
- Menandakan PTM bebas setelah dikuasai selama 446 tahun
- Pemulangan dilakukan British dengan penuh tertib & bersopan
- Laungan merdeka menandakan laungan semangat & kegembiraan rakyat
- Ia menandakan segala perjuangan rakyat berhasil untuk membina sebuah negara yang berdaulat & merdeka

Kandungan Pemasytuhan Kemerdekaan:

- Dikenali sebagai Dokumen Pemasytuhan Kemerdekaan 1957
- Ditulis dalam 2 bahasa - bahasa Melayu (Tulisan Jawi) & bahasa Inggeris
- Kemudian ia ditulis semula dalam tulisan Rumi
- Antara kandungan;
 - i. PTM mencapai taraf negara merdeka & berdaulat setaraf negara lain di dunia
 - ii. Raja2 Melayu & Ratu England tandatangani Perjanjian PTM 1957 bagi membentuk PTM
 - iii. Semua penguasaan Ratu England & Parlimen British ke atas NNS terbatal
 - iv. Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa pada 31 Ogos 1957
 - v. PTM yang merdeka mengandungi - Johor, Pahang, N9, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka & Pulau Pinang
 - vi. PM merupakan negara demokrasi yang mengutamakan kesejahteraan rakyat

SEJARAH TINGKATAN TIGA

**BAB 6
PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH
BERKERAJAAN SENDIRI DI SARAWAK DAN
SABAH**

**6.1 PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH
BERKERAJAAN SENDIRI DI SARAWAK**

- Sarawak dikuasai oleh keluarga Brooke
- Tahun 1941 Charles Vyner Brooke memperkenalkan Perlembagaan 1941 sempena Perayaan 100 Tahun Pengambilan Sarawak
- Perlembagaan ini tidak dapat dilaksanakan kerana Sarawak diserang oleh Jepun dari tahun 1941 hingga 1945

Sarawak Selepas Kekalahan Jepun:

- Selepas PD II British memperkenalkan Pentadbiran Tentera British (PTB) pada 10 September 1945
- Antara peranan PTB ialah;
 - i. Mengembalikan ketenteraman Sarawak
 - ii. Memulihkan ekonomi Sarawak
 - iii. Mengemas kini pentadbiran Sarawak
- Sarawak dikuasai PTB sehingga 1 Julai 1945

**SARAWAK DISERAHKAN KEPADA
KERAJAAN BRITISH**

- British berusaha mengambil alih pentadbiran Sarawak daripada keluarga Brooke
- Charles Vyner Brooke ambil keputusan serahkan Sarawak kepada British
- Charles Vyner Brooke merupakan Raja Putih Sarawak yang terakhir
- Antara sebab2 yang mendorong penyerahan Sarawak kepada British;
 - i. Desakan kerajaan British agar keluarga Brooke serahkan Sarawak demi pelaburan British terjamin di Sarawak
 - ii. Pertikaian keluarga Brooke - Charles Vyner Brooke sudah tua & ingin bersara tetapi tiada waris pengganti kecuali anak saudaranya Anthony Brooke
 - iii. Masalah kewangan kerana Sarawak musnah akibat perang & Charles Vyner Brooke tidak mempunyai sumber kewangan untuk bangunkan semula Sarawak

Peristiwa Penyerahan Sarawak:

- Disember 1945 rundingan dibuat antara Charles Vyner Brooke dengan British
- Brooke diwakili Gerard T. MacBryan diutus untuk dapatkan tandatangan ketua2 bumiputera & pemimpin tempatan dalam Majlis Tertinggi Sarawak
- Gerard T. MacBryan berjaya mendapatkan persetujuan dengan cara tipu helah
- 8 Februari 1946 Charles Vyner Brooke isytiharkan keputusan persetujuan Majlis Tertinggi Sarawak untuk serahkan Sarawak kepada British

- timbulkan bantahan pelbagai pihak terutama orang Melayu & Iban
- Akibatnya Pejabat Tanah Jajahan meminta Charles Vyner Brooke dapatkan persetujuan penyerahan Sarawak secara perundangan & demokrasi
- Charles Vyner Brooke merujuk kepada Majlis Negeri
- Setelah bersidang selama 3 hari Majlis Negeri luluskan Rang Undang2 Penyerahan Sarawak atau *Cession Bill*
- 18 undi menyokong penyerahan & 16 undi menentang
- Usul penyerahan disokong oleh ahli bukan bumiputera
- Pada 1 Julai 1946 British isytiharkan Sarawak sebagai Jajahan Mahkota British
- Sir Charles Arden Clarke dilantik Gabenor British pertama di Sarawak

GERAKAN ANTIPENYERAHAN DI SARAWAK

- Penyerahan Sarawak kepada British dibantah orang Melayu & Iban
- Gerakan ini berlaku dari 1946 hingga 1949
- Masyarakat Melayu diketuai Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datu Patinggi Haji Mohammad Kassim
- Beliau merupakan ketua datu2 masyarakat Melayu & kaum Melayu terpelajar & seorang bekas guru
- Bantahan turut disertai oleh;
 - i. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)
 - ii. Barisan Pemuda Melayu Sibn (BPMS)
 - iii. Barisan Pemuda Sarawak (BPS)
 - iv. Persatuan Dayak Sarawak (PDS)
- Gerakan penentangan ini dikenali sebagai Gerakan Antipenyserahan Sarawak

Faktor Berlakunya Gerakan Antipenyserahan Sarawak:

- Penyerahan Sarawak bertentangan dengan Perlembagaan 1941 Sarawak yang menjangkakan kerajaan sendiri
- Charles Vyner Brooke membuat keputusan sendiri tanpa berunding dengan ketua2 bumiputera & melalui tipu muslihat
- Barisan Pemuda Melayu meminta Anthony Brooke (anak saudara) dilantik sebagai Rajah Sarawak yang baru demi memudahkan tuntutan kemerdekaan Sarawak

PENENTANGAN & REAKSI BRITISH

Cara Penentangan:

i. Menghantar Surat Bantahan

- Golongan antipenyserahan bertindak menghantar surat bantahan, kawat & telegram kepada British
- British tidak mengendahkan bantahan

ii. Menampal Poster

- Poster ditampal di seluruh pelosok kampung
- Setiap kampung dikerah membuat poster & sepanduk

- Antara kata2 yang ditulis ialah;
 - a. *"Kami Membantah dengan Sekeras-kerasnya Atas Tindakan Brooke Menyerahkan Sarawak Kepada Kolonial Inggeris"*
 - b. *"Sarawak Adalah Hak Kami. Leburkan Kolonial"*

iii. Penglibatan Kaum Wanita

- Wanita terlibat dalam demonstrasi penentangan
- Antaranya;
 - a. Kaum ibu PKMS diketuai Cikgu Lily Eberwein telah pergi ke kawasan pedalaman untuk mendapat sokongan & simpati orang Iban
 - b. Kaum ibu BPM seperti Puan Sharifah Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah & Cikgu Ajibah Abol yang sanggup berkorban masa & tenaga

Tindakan Penentangan Rakyat Sarawak:

- British dapati golongan antipenyerahan daripada kalangan kakitangan kerajaan terutama guru Melayu
- Disember 1946 British keluaran notis iaitu Pekeliling No.9
- Ia berkaitan amaran British kepada kakitangan kerajaan supaya tidak terlibat dalam gerakan antipenyerahan
- Ia menambahkan lagi kemarahan kepada British
- 2 April 1947 seramai 338 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan
- Sebahagian besar adalah guru Melayu
- Akibatnya 22 buah sekolah kerajaan terpaksa ditutup
- Seramai 56 orang pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak meninggalkan pengajian & membantah pekeling tersebut
- Kesan;
 - berlaku tunjuk perasaan besar2-an setiap 1 Julai
 - terbesar di Kuching pada 1 Julai 1947 disertai PKMS, BPM & PDS
 - membantah pelantikan Gabenor Sarawak pertama iaitu Sir Charles Arden Clarke
- Penentangan bertambah hebat apabila Barisan Pemuda Melayu (BPM) mengadakan perhimpunan yang dihadiri 250 orang perwakilan bumiputera seluruh cawangan BPM

Reaksi & Tindakan British:

i. Reaksi British Peringkat awal:

- Awalnya British anggap gerakan antipenyerahan bersifat sementara & tidak lama
- Anggapan British meleset kerana gerakan mendapat sokongan rakyat Sarawak
- Antara tindakan British;
 - a. British giatkan usaha untuk melemahkan gerakan dengan pecahbelahkan perpaduan kaum
 - b. British galakkan penubuhan *Young Malay Association (YMA)*

yang sokong penyerahan Sarawak kepada British

- c. British melagakan orang Melayu dengan orang Dayak supaya kedua2 bertelagah
 - d. British memburuk2kan pejuang gerakan antipenyerahan dengan menuduh perjuangan mereka hanya untuk kekalkan hak istimewa orang Melayu Sarawak sahaja
 - e. British persenda, hina & cemuah golongan antipenyerahan dalam majlis2 rasmi mereka
- Kesan-kesan;
 - a. Tahun 1947 gerakan antipenyerahan makin lemah akibat pelbagai propaganda British
 - b. Golongan muda BPM Sibul tubuhkan 'Rukun Tiga Belas' yang bercorak radikal - bersumpah hapuskan pemimpin Eropah & Melayu yang bersubahat
 - Rosli Dhobi (anggota Rukun 13) ditugaskan membunuh Sir Duncan Steward iaitu Gabenor Sarawak ke-2 di Sibul
 - Rosli Dhobi merupakan pejuang Rukun 13 yang sanggup berkorban diri untuk bebaskan tanah air
 - Beliau menulis sajak dalam Utusan Sarawak menggunakan nama samaran *Lidros* iaitu bertajuk 'PanggilanMu Yang Suci'

ii. Reaksi British Secara Kekerasan:

- 3 Disember 1949 Sir Duncan Steward melawat Sibul
- Beliau ditikam oleh Rosli Dhobi dengan sebilah pisau
- Seminggu kemudian Sir Duncan Steward meninggal dunia di hospital Singapura
- British bertekad gunakan kekerasan perang golongan antipenyerahan
- Mereka yang didapati bersalah dihukum gantung sampai mati iaitu;
 - a. Rosli Dhobi
 - b. Awang Rambli Mohd Deli
 - c. Bujang Suntong
 - d. Morshidi Sidek
- Anggota Rukun 13 yang lain dipenjarakan
- British mengharamkan Persatuan Melayu Sarawak
- Kesannya;
 - a. British berjaya lumpuhkan gerakan antipenyerahan
 - b. Awal 1950-an British kukuhkan kedudukan di Sarawak
 - c. British kekal berkuasa hingga tahun 1963

LANGKAH KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SARAWAK

- Antara langkah yang diambil;
 - i. Pentadbiran Sarawak Disusun Semula:
 - Bermula tahun 1946
 - Tujuan memudahkan pentadbiran Sarawak
 - Sarawak terbahagi 5 bahagian

- Setiap bahagian diketuai seorang Residen British
- Setiap bahagian pula dibahagikan kepada beberapa daerah yang diketuai seorang Pegawai Daerah

ii. Pembentukan Majlis Tempatan:

- Dibentuk oleh British pada 1947
- Tujuan beri peluang kepada ahli2 dilantik ambil bahagian dalam pentadbiran tempatan
- Fungsi Majlis Tempatan;
 - a. Menguruskan pelajaran rendah
 - b. Bekalan air
 - c. Jalan raya
 - d. Kesihatan
 - e. Mengawal perbelanjaan
 - f. Mengutip cukai kepala & cukai2 lain

iii. Pindaan Ahli Majlis Negeri & Ahli Majlis Tertinggi:

- Jumlah ahli dipinda pada tahun 1956
- Pindaan berkuatkuasa mulai April 1957 dengan jumlah keahlian seramai 10 orang

PENUBUHAN PARTI POLITIK DI SARAWAK

- Tahun 1956 diperkenalkan Perlembagaan Sarawak
- Beberapa parti politik ditubuhkan sehingga tahun 1963, antaranya;

i. Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP):

- Ditubuhkan pada 12 Jun 1959
- Diasaskan oleh Ong Kee Hui & Stephen Young
- Matlamat penubuhan;
 - a. Mewujudkan perpaduan & kesetiaan rakyat Sarawak
 - b. Menyatupadukan kaum di Sarawak

ii. Parti Negara Sarawak (PANAS):

- Ditubuhkan pada 9 April 1960
- Diasaskan oleh Datu Patinggi Abang Haji Mustapha
- Matlamat penubuhan;
 - a. Mewujudkan keharmonian kaum di Sarawak
 - b. Menuntut pendidikan percuma bagi sekolah rendah
 - c. Mempertingkatkan kedudukan politik, ekonomi & sosial bumiputera

iii. Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP):

- Ditubuhkan pada 10 April 1961
- Diasaskan oleh Stephen Kalong Ningkan
- Tujuan penubuhan;
 - a. Perjuangkan hak & kepentingan orang Iban Sarawak
 - b. Mendapatkan kemerdekaan bagi Sarawak

iv. Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA):

- Ditubuhkan pada 4 Disember 1961
- Diasaskan oleh Datu Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Othman
- Matlamat penubuhan;

- Menuntut hak istimewa penduduk bumiputera
- Pertingkatkan taraf hidup bumiputera Sarawak
- Mewujudkan keharmonian rakyat
- Selamatkan rakyat dari ancaman komunis
- Menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan

v. Persatuan Cina Sarawak (SCA):

- Ditubuhkan pada Julai 1962
- Diasaskan oleh William Tan
- Matlamat - berusaha ke arah perpaduan orang Cina

vi. Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA):

- Ditubuhkan pada Ogos 1962
- Diasaskan oleh Temenggung Jugah
- Matlamat - membantu orang Dayak mencapai perpaduan & menjamin hak dalam perlembagaan

PENUBUHAN PERIKATAN SARAWAK

- Perikatan Sarawak dibentuk pada November 1962
- Tujuan menghadapi pilihan raya tahun 1963
- Menang 138 kerusi
- Perikatan Sarawak terdiri daripada gabungan parti2 politik seperti;
 - Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
 - Parti Negara Sarawak (PANAS)
 - Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)
 - Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)
 - Persatuan Cina Sarawak (SCA)

6.2 PERUBAHAN PENTADBIRAN KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SABAH

Sabah Selepas Jepun kalah:

- Selepas PD2 Sabah ditadbir oleh Pentadbiran Tentera British (PTB)
- PTB berusaha kembalikan keamanan & ketenteraman
- Pemerintahan PTB berakhir mulai 15 Julai 1945

SABAH DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN BRITISH

- Pada 26 Jun 1946 British tandatangani perjanjian dengan SBUB
- Mengikut perjanjian, Borneo Utara menjadi tanah jajahan British mulai 15 Julai 1946
- Antara sebab Sabah diserahkan kepada British;
 - Desakan pelabur & pemodal Eropah supaya menjaga kepentingan
 - Mengeksploitasi sumber bahan mentah Sabah seperti kayu balak, kelapa kering, tembakau & hasil tradisional
 - Menjamin kedudukan & keselamatan British di Asia Tenggara kerana Sabah berada di

tengah2 jalan perdagangan antara Singapura & Hong Kong

- Penyerahan Sabah tiada tentangan hebat penduduk tempatan
- Penentangan hanya dilakukan oleh waris Kesultanan Sulu yang anggap Sabah sebagai miliknya
- Pertubuhan yang ada di Sabah hanya berjuang perbaiki keadaan politik & ekonomi seperti;
 - Persatuan Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)
 - Barisan Pemuda (BARIP)

LANGKAH KE ARAH BERKERAJAAN SENDIRI DI SABAH

- Bermula tahun 1950 langkah2 diambil oleh British untuk melatih penduduk tempatan ke arah berkerajaan sendiri
- Antaranya;

i. Memperkenalkan Perlembagaan Baru;

- Bermula tahun 1950
- Melalui Perlembagaan, Majlis Kerja & Majlis Undangan ditubuhkan
- Wakil2 anak negeri diberi peluang terlibat dalam pemerintahan negeri sebagai ahli tidak rasmi dalam Majlis Undangan
- Tokoh tempatan terlibat seperti;
 - Donald Stephens
 - Tun Datu Mustapha Datu Harun

ii. Mengadakan Pilihan Raya Majlis Tempatan;

- Bermula tahun 1952
- Tujuan untuk memilih perwakilan secara demokrasi

iii. Pindaan Perlembagaan;

- Bermula tahun 1960
- British pinda perlembagaan
- Tujuan menambah jumlah pemimpin kaum bumiputera sebagai ahli tidak rasmi dalam Majlis Undangan
- Semua ahli dilantik bukan dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya tetapi oleh Gabenor British

iv. Pilihan Raya Majlis Undangan;

- Diperkenalkan tahun 1962

PENUBUHAN PARTI POLITIK DI SABAH

- Banyak parti politik di Sabah muncul selepas pengumuman gagasan Persekutuan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman
- Banyak parti politik ditubuhkan dalam tempoh 15 bulan selepas itu
- Antara parti politik Sabah sebelum 1963;

i. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO):

- Ditubuhkan pada 23 Disember 1961
- Diasaskan oleh Tun Datu Mustapha bin Datu Harun
- Matlamat penubuhan;

- Perjuangkan hak kaum Bumiputera Muslim
- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Perjuangkan agama Islam sebagai agama rasmi
- Menukar nama Borneo kepada Sabah

ii. Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO):

- Ditubuhkan pada Ogos 1961
- Diasaskan oleh Donald Stephens atau Tun Fuad Stephens
- Matlamat penubuhan - menjaga kepentingan & memelihara hak orang Kadazan Dusun

iii. Persatuan Cina Sabah (SCA):

- Ditubuhkan pada Oktober 1962
- Diasaskan oleh Khoo Siak Chiew & Peter Chin
- Merupakan gabungan 2 buah parti iaitu Parti Bersatu & Parti Demokratik
- Matlamat penubuhan - melindungi hak orang Cina

iv. Pasok Momogun:

- Ditubuhkan pada Januari 1962
- Diasaskan oleh Orang Kaya2 Sedomon & G.S. Sundang
- Matlamat penubuhan - melindungi kepentingan penduduk di kawasan pedalaman Sabah

PENUBUHAN PARTI PERIKATAN SABAH

- Tujuan penubuhan Parti Perikatan Sabah untuk ambil bahagian dalam pilihan raya tahun 1962
- Parti perikatan sabah mendapat kejayaan cemerlang
- Antara parti politik terlibat;
 - UNKO
 - USNO
 - SCA
 - Pasok Momogun

SEJARAH TINGKATAN TIGA

BAB 7 MALAYSIA YANG BERDAULAT

7.1 GAGASAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

- Merupakan cadangan penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah & Brunei
- Ditadbir dalam satu unit politik

IDEA PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

- Cadangan dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman
- Merupakan perjuangan untuk bebaskan Sarawak, Sabah, Singapura & Brunei daripada penjajahan British
- Gabungkan negeri2 berkenaan dengan Tanah Melayu & membentuk Persekutuan Malaysia

CADANGAN TUNKU ABDUL RAHMAN

- Tunku Abdul Rahman kemukakan cadangan semasa majlis makan tengah hari Persatuan Wartawan2 Luar Asia Tenggara
- Bertempat di Hotel Adelphi, Singapura 27 Mei 1961
- Mendapat sambutan positif pemimpin2 wilayah terbabit
- Julai 1961 Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ditubuhkan
- Tujuan adakan rundingan dengan pemimpin2 wilayah terlibat
- Tiga bulan kemudian Tunku Abdul Rahman membawa idea ini ke Dewan Rakyat
- Gagasan ini mendapat liputan meluas akhbar Berita Harian - "Melayu Raya: Cadangan Tengku dapat sambutan"

MATLAMAT PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

i. Mempercepatkan Kemerdekaan:

- Sarawak, Sabah & Singapura bersaiz & berpenduduk kecil sukarkan usaha mendapat kemerdekaan sendiri
- Mempercepatkan kemerdekaan Sabah, Sarawak & Singapura

ii. Keseimbangan Kaum:

- Mengimbangi penduduk Melayu & bumiputera dengan bukan bumiputera dalam Persekutuan Malaysia

iii. Memajukan Sosioekonomi:

- Wujudkan satu kawasan pasaran ekonomi lebih luas
- Menyatukan sumber tenaga manusia & sumber asli di kalangan negeri
- Hapuskan sekatan cukai di kalangan negeri Persekutuan
- Memudahkan usaha untuk menarik pemodal luar

- Memajukan taraf hidup rakyat Sarawak, Sabah & Brunei

iv. Keselamatan & Kestabilan Negara:

- Selamatkan Singapura & Sarawak daripada jatuh ke tangan komunis

7.2 REAKSI PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

- Terdapat pelbagai reaksi, antaranya daripada;
 - a. Negeri2 Terlibat
 - b. Negara2 Jiran
 - c. Negara2 Barat

a. Reaksi Negeri2 Terlibat:

i. Tanah Melayu:

- Sambutan menggalakkan daripada parti2 politik Tanah Melayu
- Sokongan rakyat ditunjukkan melalui perhimpunan pelajar di Universiti Malaya
- Terdapat perbezaan pendapat tentang cara pelaksanaan tetapi penduduk terima prinsip gagasan
- Contoh: Parti PAS sokong idea pembentukan tetapi juga cadangkan pembentukan Melayu Raya merangkumi Indonesia

ii. Singapura:

- Parti Tindakan Rakyat (PETIR) pimpinan Lee Kuan Yew sokong gagasan
- Gagasan ini dapat selamatkan PETIR daripada dikuasai parti2 berhaluan kiri
- Gagasan ditentang oleh Barisan Sosialis & Parti Rakyat Singapura kerana anggap gagasan adalah idea British untuk kekalkan pengaruh
- Referendum (pungutan suara) diadakan bagi tujuan meninjau pendapat penduduk Singapura
- Hasilnya - penduduk Singapura sokong gagasan

iii. Sabah:

- Suara hati rakyat ditunjukkan melalui penubuhan parti2 politik baru
- Antaranya;
 - a. Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO) - menyokong
 - b. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) - menyokong
 - c. Parti Bersatu - awalnya menyokong dengan syarat Sabah merdeka dahulu tetapi akhirnya sokong tanpa syarat
 - d. Parti Demokratik - awalnya menyokong dengan syarat Sabah merdeka dahulu tetapi akhirnya sokong tanpa syarat
 - e. Pasok Momogun - awalnya menentang kerana anggap Sabah perlu bersatu dengan Sarawak & Brunei tetapi akhirnya sokong tanpa syarat
- Kesannya;
 - a. Semua parti politik di Sabah bergabung membentuk Perikatan Sabah pimpinan Donald Stephens

- a. & Tun Datu Mustapha bin Datu Harun
- b. Perikatan Sabah menang pilihan raya Majlis Daerah 1962
- c. Rakyat Sabah sepakat menyokong gagasan

iv. Sarawak:

- Antara reaksinya adalah;
 - a. Parti Negara Sarawak (PANAS) pada awalnya menentang kemudian menyokong penuh
 - b. Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) pada awalnya menentang kemudian menyokong
 - c. Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) menentang kerana menganggap Sarawak perlu bersatu dengan Sabah & Brunei sahaja
 - d. Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) menyokong penuh
 - e. Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) menyokong penuh
 - f. Persatuan Cina Sarawak (SCA) menyokong penuh
- Kesannya;
 - a. Semua parti politik Sarawak ambil keputusan sertai Persekutuan Malaysia kecuali SUPP
 - b. Parti2 tersebut membentuk Perikatan Sarawak
 - c. Menang pilihan raya Majlis Daerah pertama tahun 1963

v. Brunei:

- Idea gagasan disokong kuat Sultan Omar Ali Saifuddin
- Ia ditentang oleh Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari
- Alasan menentang - Brunei akan menjadi tanah jajahan sekiranya menyertai Persekutuan Malaysia
- Parti Rakyat Brunei cadangkan penubuhan Kerajaan Kalimantan Utara - terdiri daripada Brunei, Sarawak & Sabah
- Parti Rakyat Brunei melancarkan pemberontakan apabila usul menentangna ditolak Majlis Undangan Negeri Brunei
- Rundingan dilaksanakan hingga ke sata2 akhir
- Akhirnya pada Julai 1963 Brunei menarik diri daripada menyertai Persekutuan Malaysia kerana tiada kata sepakat dalam 2 isu berikut;
 - a. Isu minyak
 - b. Isu kekananan Sultan Brunei dalam pelantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong

b. Reaksi Negara Jiran:

i. Indonesia:

- Awalnya menyokong pembentukan Malaysia
- Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio utus surat tahniah kerana usaha tersebut
- Akhirnya pendirian Indonesia berubah & tidak menyokong gagasan kerana;
 - a. Terpengaruh dakwah Parti Komunis Indonesia (PKI)

- b. PKI menuduh Persekutuan Malaysia sebagai *neokolonialisme* (penjajahan baru melalui tekanan ekonomi)
- c. Sebenarnya PKI tergugat dengan pembentukan Malaysia yang akan menyekat pengaruhnya
- d. Presiden Soekarno berhasrat menyatukan Indonesia dengan Tanah Melayu membentuk - Indonesia Raya

ii. Filipina:

- Menentang pembentukan Malaysia kerana mendakwa Sabah sebahagian wilayah Kesultanan Sulu miliknya
- British tidak melayan tuntutan kerana dianggap tidak berasas
- Laporan Suruhanjaya Cobbold & Suruhanjaya PBB sahkan rakyat Sabah setuju menyertai Malaysia

c. Negara2 Barat:

- Disokong oleh kerajaan Britain & Amerika Syarikat
- Mereka sokong kerana;
 - a. Pembentukan Malaysia dapat mempercepatkan proses kemerdekaan Singapura, Sarawak, Sabah & Brunei
 - b. Pengaruh komunis juga dapat disekat

7.3 Perjanjian & Perisytiharan Persekutuan Malaysia

Langkah2 Ke Arah Pembentukan Persekutuan Malaysia

Langkah 1:

- 27 Mei 1961 - gagasan Persekutuan Malaysia dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman

Langkah 2:

- Julai 1961 - penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM)
- Matlamat - memberi penerangan kpd pemimpin2 Sarawak & Sabah
- Hasil laporan - penubuhan Suruhanjaya Cobbold

Langkah 3:

- Februari hingga April 1962 - penubuhan Suruhanjaya Cobbold
- Matlamat - meninjau pandangan penduduk Sarawak & Sabah
- Hasil laporan - bersetuju sertai Malaysia

Langkah 4:

- Ogos 1962 - penubuhan Jawatankuasa antara Kerajaan (JAK)
- Matlamat - bincangkan hak & kepentingan Sabah, Sarawak & Brunei untuk dimasukkan dalam perlembagaan
- Hasil laporan - tuntutan 20 perkara Sabah (juga dipersetujui oleh Sarawak) dicadangkan & dimasukkan dalam perlembagaan

Langkah 4:

- Penubuhan Referendum Singapura

- Matlamat - meninjau pendapat penduduk Singapura
- Hasil - bersetuju sertai Malaysia

Langkah 5:

- Ogos 1963 - penubuhan Suruhanjaya PBB
- Matlamat - meninjau semula pandangan penduduk Sarawak & Sabah atas permintaan Indonesia & Filipina
- Hasil - penduduk Sabah & Sarawak setuju sertai Malaysia

Langkah 6:

- 16 September 1963 - perisytiharan Persekutuan Malaysia

Suruhanjaya Cobbold:

- Tujuan - mendapatkan pandangan penduduk Sabah & Sarawak tentang penyertaan dalam Persekutuan Malaysia
- Ahli - Muhammad Ghazali bin shafie, Wong Pow Nee, Lord Cobbold (Pengerusi), David Watherston & Anthony Abell
- Hasil laporan:
 - i. satu per tiga penduduk Sabah & Sarawak menyokong
 - ii. satu per tiga penduduk sokong tapi dgn syarat kepentingan mereka dilindungi
 - iii. satu per tiga penduduk ingin Sabah & Sarawak merdeka dahulu sebelum sertai Malaysia
- laporan keseluruhan didapati semua penduduk Sabah & Sarawak setuju sertai pembentukan Malaysia

PENGISYTIHARAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

- Perlembagaan Persekutuan Malaysia digubal berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) & Tuntutan 20 Perkara
- 9 Julai 1963 - Perjanjian Persekutuan Malaysia ditandatangani di Malborough House, London
- Kandungan utama perjanjian:
 - i. Semua urusan hal ehwal luar menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan
 - ii. Agama Islam merupakan agama rasmi Persekutuan kecuali Sarawak & Sabah tetapi agama lain bebas diamalkan
 - iii. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan tetapi bahasa Inggeris & bahasa lain masih boleh digunakan
 - iv. Bagi Sarawak & Sabah, bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa rasmi sehingga 10 tahun selepas pembentukan Persekutuan Malaysia
 - v. Sarawak & Sabah diberikan kuasa mengawal hal ehwal imigresen & perkhidmatan awam
 - vi. Rakyat bumiputera di Sarawak & Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu

- Isi perjanjian kemudian dimasukkan dlm Perlembagaan Persekutuan Malaysia

- Memorandum Perjanjian Persekutuan Malaysia bagi Sabah & Sarawak diwakili Donald Stephens
- Dokumen pemasyhuran Persekutuan Malaysia diserahkan oleh yang di-Pertuan Agong kepada Tunku Abdul Rahman
- 16 September 1963 - Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri) bacakan Deklarasi Penubuhan Persekutuan Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
- Sebanyak 101 das tembakan meriam & laungan 'MERDEKA' sebanyak 7 kali dilayangkan
- Pengisytiharan dilakukan di Kuching, Sarawak & di Kota kinabalu, Sabah
- Berita penubuhan Persekutuan Malaysia disiarkan oleh akhbar Berita Harian

Antara Tuntutan 20 Perkara Sabah:

- Tiada agama rasmi
- Kebebasan beragama
- Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi
- Imigresen di bawah kuasa kerajaan negeri
- Malaysia menjadi nama persekutuan
- Dasar pelajaran sedia ada dikekalkan
- Peruntukan kerusi parlimen
- Pelantikan ketua negeri oleh ratu British & Yang di-Pertuan Agong

KONFRONTASI DAN PERDAMAIAN

- Maksud konfrontasi - sikap penentangan terhadap penubuhan Persekutuan Malaysia oleh Indonesia & Filipina
- Sebab2 berlaku - Indonesia & Filipina enggan iktiraf penubuhan Malaysia
- kesan:
 - berlaku konfrontasi & tentera Indonesia mencerooboh beberapa kawasan di Semenanjung, Sarawak & Sabah
 - hubungan Indonesia & Malaysia tegang
- Konfrontasi didalangi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI)

Usaha Ke Arah Perdamaian Malaysia - Indonesia

- Mei 1963 - Rundingan Tidak Rasmi di Tokyo antara Tunku Abdul Rahman & Presiden Sukarno

-
-
-
-